Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN 2018

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| BAB 01 | Perutusan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta | 3 |
| BAB 02 | Maklumat Korporat | 7 |
| BAB 03 | Struktur Organisasi | 19 |
| BAB 04 | Profil Pengurusan Tertinggi | 23 |
| BAB 05 | Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH | 33 |
| BAB 06 | Pengarah Penilaian Negeri | 37 |
| BAB 07 | Penilai Daerah | 45 |
| BAB 08 | Fokus 2018 | 51 |
| BAB 09 | Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta | 57 |
| BAB 10 | Institut Penilaian Negara (INSPEN) | 77 |
| BAB 11 | Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) | 93 |
| BAB 12 | Bahagian Teknologi Maklumat | 105 |
| BAB 13 | Bahagian Khidmat Pengurusan | 111 |
| BAB 14 | Unit Komunikasi Korporat | 119 |
| BAB 15 | Unit Integriti dan Pengauditan | 129 |
| BAB 16 | Pasukan VIS Baru | 143 |
| BAB 17 | Pengurusan Kualiti | 151 |
| BAB 18 | Patah Tumbuh Hilang Berganti | 173 |
| BAB 19 | Perutusan Amanat Ketua Pengarah | 177 |
| BAB 20 | Aktiviti Persatuan | 181 |
| BAB 21 | Direktori | 191 |

# BAB 01

***Perutusan***
***Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta***

# Perutusan



**Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**
**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

> **"Jalinan strategik JPPH dengan pihak luar diperluaskan dan memasuki fasa penting yang menjadi pemangkin kelastarian peranan JPPH di pelbagai peringkat."**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah di atas segala nikmat dan kesempatan sekali lagi pihak JPPH dapat menghasilkan naskhah Laporan Tahunan untuk tahun 2018 yang telah diusahakan bersama oleh semua pihak di peringkat Jabatan mahu pun pihak luar.

Kami di JPPH terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Sr Haji Nordin bin Daharom, mantan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke 13 yang telah bersara wajib pada 5 Disember 2018 yang lalu. Jasa dan sumbangan beliau begitu besar kepada Jabatan yang akan dikenang sepanjang zaman.

Peranan JPPH dalam membuat penilaian terhadap harta tanah dan perkara yang ada hubung kait dengannya begitu ketara terutama dalam menangani isu harga rumah yang dikatakan semakin tinggi dan berlakunya peningkatan jumlah harta tanah yang tidak terjual. Di sini JPPH memberi nasihat kepada kerajaan Negeri dan Pusat dengan membekalkan data transaksi dan analisa harta tanah yang boleh membantu aktiviti atau perancangan oleh pihak pemaju, pengurus atau pemilik harta, institusi harta tanah untuk membangunkan harta tanah mereka mengikut keperluan semasa. Melaluinya juga paparan media membantu menyebar luaskan gambaran pasaran harta tanah masa kini menggunakan data transaksi yang Jabatan bekalkan.

Edisi kali ini dikongsikan pembangunan sistem baharu untuk Projek Valuation Information System (VIS) yang semakin ditambah baik untuk kegunaan aktiviti penilaian. Penambahan kepada jalinan, kandungan, kekuatan dan kebolehcapaian maklumat yang dikehendaki telah ditingkatkan. Usaha ini adalah kerjasama Pasukan VIS Baru dengan Syarikat Sapura Transmission Sdn. Berhad yang sentiasa diperkukuhkan.

Jalinan strategik JPPH dengan pihak luar diperluaskan dan memasuki fasa penting yang menjadi pemangkin kelestarian peranan JPPH di pelbagai peringkat. Ini dengan kerjasama JPPH bersama TAQEEM, DGSAM, MTCP, REHDA, IRDA, RISM, Amanah Raya Berhad, JUPEM, PEPS, MIEA dan sebagainya lagi. Di samping itu, JPPH berkongsi maklumat dengan agensi kerajaan melalui kunjungan hormat dan lawatan khas. Selain itu, Jabatan juga menjadi rujukan utama oleh Mahkamah Tinggi dalam membuat penentuan tuntutan pampasan pengambilan harta tanah daripada individu atau syarikat. Justeru tugas pengapit hakim begitu sinonim dengan JPPH.

Akhir kata, saya mengharapkan kerjasama dan sokongan padu akan berterusan diberikan kepada Jabatan yang sekali gus dapat meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan kepada seluruh pelanggan JPPH. Oleh itu kerjasama semua pihak dalam mendokumenkan Buku Laporan Tahunan ini dengan jayanya diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,



**Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin**
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia

# BAB 02

## *Maklumat Korporat*

## VISI JPPH

Peneraju Penilaian, Perkhidmatan Harta, Latihan dan Informasi Harta Tanah Bertaraf Dunia Secara Berterusan.

## PERNYATAAN MISI

Menyediakan Perkhidmatan Penilaian, Perundingan, Pengurusan Harta, Latihan, Penyelidikan dan Informasi Harta Tanah Yang Profesional Serta Relevan.

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan penilaian, informasi dan penyelidikan yang berkualiti secara berterusan.
- Memperluaskan perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta di agensi-agensi Kerajaan.
- Menjadikan JPPH bertanggungjawab ke atas pengurusan aset Kerajaan
- Mewujudkan Pusat Kajian Lanjutan Harta Tanah yang diiktiraf.

## NILAI DAN PRINSIP PANDUAN

- Kami percaya kepada persekitaran yang menggalakkan kemajuan yang berterusan di kalangan pegawai dan staf kami berdasarkan sikap saling percaya mempercayai serta hormat-menghormati.
- Kami percaya kepada pemupukan inisiatif, inovasi dan penetapan objektif dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab, berwibawa dan kebertanggungkiraan pada semua peringkat.
- Kami percaya kepada kerja berpasukan dan perhubungan terbuka bagi mencapai objektif-objektif kami.
- Kami akan memenuhi kehendak dan harapan pelanggan pada setiap masa.
- Kami akan berusaha ke arah kecemerlangan dengan melakukan sesuatu dengan betul pada kali pertama.
- Kami mempunyai komitmen untuk memperolehi kelebihan bersaing dengan sentiasa meningkatkan ‘Q’ kami.

# NILAI TERAS

Kami memupuk etika kerja yang sentiasa relevan sepanjang masa dengan berpegang kepada nilai teras berikut:

**AMANAH**
Menyempurnakan setiap tugas dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

**BIJAKSANA**
Melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan rasional berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.

**BENAR**
Menjalankan setiap amalan, tindakan dan perilaku berasaskan kebenaran.

**TELUS**
Membuat setiap keputusan dan tindakan melalui proses yang telus, pernyataan yang jelas dan terbuka tanpa berselindung.

**ADIL**
Memberi pertimbangan yang wajar dan saksama terhadap setiap keputusan berasaskan undang-undang dan peraturan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

**BERSYUKUR**
Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan yang diperolehi.

## NILAI KEMBANGAN

Kami juga percaya dan berpegang teguh kepada nilai-nilai berikut:

**MENGURUS PERUBAHAN**
Kami mempunyai daya tahan yang tinggi untuk menerima dan mengurus perubahan.

**KECEKAPAN TERAS**
Kami proaktif dalam mengenal pasti kompetensi kritikal yang diperlukan oleh organisasi.

**PEMBELAJARAN KENDIRI**
Kami menggalakkan dan menginstitusikan budaya pembelajaran kendiri.

**KECEMERLANGAN BISNES**
Kami menanamkan secara jelas manfaat besar menepati piagam pelanggan dalam setiap aspek sistem penyampaian kami.

**BUDAYA INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO**
Kami mempunyai integriti yang kukuh dalam menghadapi dan menguruskan pelbagai jenis risiko.

## KUASA DAN FUNGSI UTAMA

**Kuasa untuk menjalankan fungsi Jabatan sepertimana termaktub di bawah Seksyen 4, Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 (Pindaan 2017) diberikan kepada Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk:**

- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah untuk membantu pegawai dan penilai dalam membuat penilaian;
- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah mengenai segala atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan harta;
- Menyiarkan maklumat yang dipungut dan disusun kumpul kecuali jika maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit oleh, atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- Memberikan maklumat dan nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang mengenai perkara yang berkaitan dengan harta;
- Mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang; dan
- Menyiasat dan memberi laporan kepada Menteri atas apa-apa perkara yang difikirkannya mungkin dapat memajukan standard penilaian, perejenan harta tanah dan perkhidmatan harta lain di Malaysia.

**Atas permintaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, Ketua Pengarah boleh:**

- Melakukan penilaian ke atas semua tanah dan bangunan termasuk perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barangan lain;
- Melakukan penilaian ke atas tanah dan bangunan yang dikehendaki untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan atau maksud yang lain;
- Bertindak sebagai ejen harta tanah termasuk mengadakan rundingan mengenai penjualan, pembelian, sewaan dan penyewaan melalui perjanjian, lelong atau tender; dan
- Melakukan pengurusan harta, pengurusan projek dan menyediakan atau menyemak dan memeriksa inventori perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barangan lain.
- **Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya mengemukakan maklumat mengenai butir penjualan, pindah milik harta tanah atau butir-butir sesuatu kepentingan harta tanah yang ada di dalam simpanan beliau, kepada mana-mana pihak atau golongan pihak dengan mengenakan fi atau caj sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.**

## PELANGGAN DAN *STAKEHOLDER*

### SECARA LANGSUNG

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Badan Berkanun
- Pertubuhan Perbadanan yang mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri ada kepentingan
- Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan

### SECARA TIDAK LANGSUNG

- Pembeli/ Penjual Harta
- Institusi Kewangan
- Pelabur
- Penilai, Pentaksir Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta
- Industri Harta Tanah
- Pembayar Cukai

## PERKHIDMATAN TERAS JPPH

| Aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta | Aktiviti Informasi Harta Tanah (NAPIC) | Aktiviti Latihan dan Penyelidikan (INSPEN) |
|---|---|---|
| a) Penilaian Tanah, Bangunan dan Loji & Jentera bagi maksud:<br><br>• Pengambilan Tanah<br>• Pemberimilikan Tanah<br>• Penswastaan dan Pengkorporatan<br>• Izin-Lalu Elektrik<br>• Pembelian dan Penjualan<br>• Sumbangan Membantu Kadar<br>• Duti Setem<br>• Pinjaman Perumahan<br>• Cukai Keuntungan Harta Tanah<br>• Sewaan dan Pajakan<br>• Duti Harta Pusaka<br>• Insurans Kebakaran<br>• Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)<br>• Kadaran<br>• Nilaian Am<br>• Perakaunan Akruan<br><br>b) Perundingan Harta Tanah termasuk:<br><br>Penilaian tanah dan bangunan untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan, pengurusan projek dan maksud-maksud lain<br>• Pengurusan Harta<br>• Perejenan Harta Tanah<br><br>c) Perkhidmatan lain:<br><br>i) Penjualan Maklumat Transaksi Harta Tanah JPPH:<br>• Maklumat yang dibekalkan tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. | Menyelenggara pangkalan data Stok Harta Tanah Negara. Maklumat disalurkan melalui:<br>• Laporan Pasaran Harta<br>• Indeks Harga Rumah Malaysia<br>• Laporan Stok Harta Tanah<br>• Laporan Status Pasaran Harta Tanah<br>• Pindahmilik Harta RM10 Juta<br>• Jualbeli Tanah Ladang<br>• Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas<br>• Laporan Penawaran Pra Perancangan<br>• Laporan Bangunan Perdagangan Ruang Boleh Disewa | • Latihan<br>• Pendidikan<br>• Penyelidikan dan Pembangunan |

| | | |
|---|---|---|
| • Fi Jualan Maklumat Transaksi:<br>- Permintaan maklumat sekali sahaja (Tunggal) RM 1<br>- Permintaan maklumat secara berterusan RM0.60 tertakluk kepada fi minimum RM6.00<br><br>ii) Penjualan Maklumat Sewaan JPPH:<br>• Maklumat yang dibekalkan tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.<br><br>• Fi Jualan Maklumat Transaksi:<br>- Permintaan maklumat sekali sahaja (Tunggal) RM 1<br>- Permintaan maklumat secara berterusan RM0.60 tertakluk kepada fi minimum RM6.00 | | |

## SISTEM PEMULIHAN PERKHIDMATAN

Jika Piagam Pelanggan JPPH tidak ditepati maka cara pemulihannya adalah seperti berikut:

**Pemulihan Secara Reaktif**
Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk menyiapkan kes-kes tersebut dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan oleh pejabat.

**Pemulihan Secara Proaktif**
Pelanggan akan dimaklumkan terlebih dahulu sekiranya terdapat masalah di dalam memproses sebarang penilaian iaitu ketiadaan atau ketidakcukupan data penting. Pelanggan juga akan diberitahu tarikh penilaian itu disiapkan.

## LOGO JPPH

- Titik yang utama melambangkan JPPH sebagai organisasi penilaian dan perundingan harta yang berbentuk global dan bertaraf antarabangsa.

- Titik-titik yang tersebar membawa maksud penyampaian maklumat dan nasihat harta tanah dengan cekap dan berkesan.

- Warna biru memberi maksud bahawa Jabatan ini merupakan sebuah organisasi yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.

- Warna merah melambangkan kematangan dan kecemerlangan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan penilaian, perundingan dan penyebaran maklumat mengenai harta tanah.

- Bentuk glob bulat dunia melambangkan JPPH sentiasa relevan dan telah mencapai perkhidmatannya ke peringkat antarabangsa.

- Sementara anak panah atas dan bawah bermaksud usaha JPPH adalah secara berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua peringkat secara kolektif.

## LIRIK LAGU
## JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

Menaksir Menilai Mengurus Harta
Dengan Kepakaran yang Tersedia
Berkhidmat Cekap Tepat Berkualiti
Tanggungjawab JPPH Kami

Buku Merah, Hijau dan Biru
Amalan Menjamin Keseragaman
Sistem yang Unik serta Dinamik
Kamilah Simbol Kepercayaan

Bersama Berbakti Kepada Negara
Rangkaian Pimpinan Berwibawa
Bersama Menuju Arah Kejayaan
Tingkatkan Perkhidmatan dan Penilaian

Membina Semangat Berpasukan
Tunaikan Tugas Penuh Dedikasi
Perkhidmatan Bernilai Teras Komitmen Kami
Itulah Azam Sepanjang Zaman

## PIAGAM PELANGGAN JPPH

(Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012)

Melaporkan kes-kes penilaian seperti berikut:

| Maksud Penilaian | Tempoh Siap Kes Daripada Tarikh Penerimaan (Hari Bekerja) |
|---|---|
| a) Duti Setem<br>i) Harta Tanah Standard (Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017). Kes standard untuk maksud duti setem meliputi jenis-jenis harta tanah seperti berikut:<br>❖ Rumah teres kediaman kecuali<br>• Unit hujung<br>• Unit dengan binaan sambungan<br>• Unit belum siap<br>❖ Unit kediaman strata iaitu rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium<br>❖ Harta tanah perdagangan meliputi harta berikut:<br>• Rumah kedai/ kedai pejabat<br>• *Serviced apartment*<br>• Kedai tanpa inap (locked-up shop)<br>• Shop Office Home Office (SOHO)/ Shop Office Flexible Office (SOFO)/ Shop Office Virtual Office (SOVO)<br>❖ Harta tanah industri meliputi harta berikut:<br>• Teres<br>• Sesebuah<br>• Berkembar<br>• Bertingkat<br><br>Catatan:<br>• Harta tanah tersebut hendaklah terletak dalam skim perumahan, kawasan perdagangan atau industri yang mempunyai luas tanah dan bangunan yang standard sepertimana mengikut pelan asal pemaju. Struktur bangunan juga adalah struktur kekal dan tiada sebarang penambahan atau perubahan pada bangunan asal.<br>• Permohonan nilaian mesti dibuat melalui *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS).<br>• Borang PDS 15 mesti dilengkapi sepenuhnya (penentuan samada harta tanah adalah harta tanah standard atau bukan harta tanah standard ialah melalui maklumat yang terdapat dalam borang PDS 15). | **1** |
| ii) Bukan Harta Tanah Standard | **5** |
| b) Pinjaman Perumahan Kerajaaan | **8** |
| c) Cukai Keuntungan Harta Tanah | **8** |
| d) Sewaan/ Pajakan | **10** |
| e) Pengubahan Kategori Kegunaan Tanah | **10** |
| f) Pemberimilikan Tanah | **10** |
| g) Harta Pusaka Kecil (berkuatkuasa mulai Februari 2018) | **8** |
| h) Penswastaan & Pengkorporatan | **20** |
| i) Pengambilan Tanah | **30** |
| j) Pembelian/ Penjualan | **20** |

**Pembayaran Bil**

Semua bil dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.

## PRESTASI PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JPPH

| Bil. | Maksud Nilaian | Piagam (Hari) | Jumlah Unit Dilapor | Pencapaian | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Bilangan Unit Menepati Piawaian | % |
| 1. | Duti Setem | 5 | 366,979 | 366,843 | **99.96%** |
| 2. | Pinjaman Perumahan | 8 | 18,684 | 18,680 | **99.98%** |
| 3. | Cukai Keuntungan Harta Tanah | 8 | 9,706 | 9,701 | **99.95%** |
| 4. | Sewaan & Pajakan | 10 | 15,851 | 15,838 | **99.92%** |
| 5. | Pemberimilikan Tanah | 10 | 17,208 | 17,023 | **99.97%** |
| 6. | Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat) | 10 | 14,296 | 14,285 | **99.92%** |
| 7. | Harta Pusaka Kecil | 8 | 107,212 | 93,969 | **87.65%** |
| 8. | Penswastaan & Pengkorporatan | 20 | 2,870 | 2,861 | **99.69%** |
| 9. | Pembelian/ Penjualan | 20 | 4,466 | 4,466 | **100.00%** |
| 10. | Pengambilan Tanah | 30 | 9,061 | 9,045 | **99.82%** |

# BAB 03

*Struktur Organisasi*

# CARTA ORGANISASI JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA



# BAB 04

*Profil Pengurusan Tertinggi*

# Pengurusan Tertinggi

## KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

### Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin

Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin dilahirkan di Marang Terengganu pada 5 Oktober 1959. Beliau dibesarkan di Terengganu dan mendapat pendidikan sekolah menengah di Sekolah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu. Beliau mendapat Diploma Penilaian dari UTM pada tahun 1981 dan Sarjana Muda Ukur (Pengurusan Harta Benda) daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1983. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Penilaian Tingkat Biasa pada 16 Jun 1983 di JPPH Sungai Petani, Kedah.

Pengalaman beliau dalam perkhidmatan seperti berikut :

- Pegawai Penilaian JPPH Sungai Petani Kedah (1983 - 1993)
- Penolong Pengarah Penilaian Negeri Kelantan (1993 - 1996)
- Penolong Pengarah Penilaian Negeri Terengganu (1996 - 2003)
- Penolong Pengarah Penilaian Negeri Pahang (2004 - 2006)
- Pengarah Sektor Perundingan Harta, JPPH (2007 - 2010)
- Pengarah Sektor Perkhidmatan Penilaian, JPPH (2010 - 2012)
- Pengarah Bahagian Perundingan Harta, JPPH (2012 - 2016)
- Pengarah Bahagian Penilaian & Perkhidmatan Harta, JPPH (2016 hingga 30 April 2018)
- Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) (1 Mei 2018 hingga 4 Disember 2018).
- Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta bermula 5 Disember 2018. Beliau juga merupakan Presiden Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia (LPPEPH) yang juga merupakan Penilai Berdaftar dengan LPPEPH.

Beliau mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang antaranya ialah Penilaian Harta Tanah Khas, penilaian Pengambilan Tanah, perundingan harta, penjualan dan pembelian, penyewaan dan pajakan tanah dan merupakan pensyarah sambilan di INSPEN dalam bidang Penilaian dan Pengurusan Harta. Beliau juga merupakan *Assessor* (Pengapit Hakim) di Mahkamah Tinggi Temerloh, Mahkamah Tinggi Shah Alam, Mahkamah Tinggi Alor Setar, Mahkamah Tinggi Johor Baharu dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Dalam memberi perkhidmatan untuk kepentingan negara beliau merupakan Panel Pakar Penilaian Luar Negara dan telah dilantik oleh Kementerian Luar Negeri untuk mengetuai *Project Team Teaching* (tenaga pengajar TAQEEM) di Riyadh Arab Saudi selama 2 minggu pada tahun 2017. Selain itu, beliau telah dilantik oleh Kementerian Luar Negeri sebagai Ahli Misi Penilaian ke Indonesia yang melibatkan konsesi balak di Indonesia yang dibeli oleh syarikat Malaysia untuk tujuan pengampungan saham di Bursa Saham Malaysia pada tahun 2000. Seterusnya beliau juga merupakan Ahli Misi Penilaian Tanah Keretapi Tanah Melayu Tanjung Pagar Singapura pada tahun 2010 dalam usaha Kerajaan Malaysia mengatasi rundingan tertangguh mengenai tanah Keretapi Tanah Melayu dengan Kerajaan Singapura.

Dalam pelaksanaan inisiatif strategik pula, beliau menjadi SME (Agensi Pakar) Perlaksanaan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (JKPAK) Jabatan Kerja Raya Malaysia (2008) dan merupakan Ketua *Core Group* dalam menyediakan Garis Panduan International Valuation Standards (IVS) untuk Projek Usahasama JPPH dan Saudi Authority Accredited Valuers (TAQEEM), Arab Saudi Fasa IV (2017). Kini, beliau menjadi Ahli Mesyuarat *High Level Meeting* JPPH dengan Directorat General of State Asset Management (DGSAM), Republik Indonesia dan dengan TAQEEM, Kingdom Saudi Arabia (2018). Selain itu beliau juga dilantik menjadi Pengerusi Panel Pakar National Property Research Centre (NAPREC) bidang *Real Estate Law and Policy* sejak 2016 hingga sekarang dan menjadi Counselor Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) 2018.

Sementara itu, dalam membangunkan kepimpinan yang lebih strategik, beliau telah membuat lawatan sambil belajar ke Valuer General Office, Perth, Canberra dan Sydney, Australia pada 22 November hingga 1 Disember 2004. Lawatan ini untuk mengkaji profesion penilaian, cara pungutan, penganalisis dan penyebaran data harta tanah. Beliau juga menghadiri 16th Asean Valuers Association (AVA) di Bangkok, Thailand pada 22 - 24 Julai 2010. Selain itu, beliau juga menghadiri kursus The Advanced Programme di London pada tahun 2012 dan Seminar Geospatial World Forum di Lisbon, Protugal pada tahun 2015.

Sebagai menghargai dan mengiktiraf pencapaian beliau sepanjang berkhidmat dengan Jabatan, JPPH telah mengurniakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada beliau sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1998 dan 2009. Dalam penglibatan sukan pula, beliau pernah menjadi YDP KESUPEN Pusat pada Mac 2013 hingga Mac 2015 dan Ketua Kontijen JPPH untuk temasya Pesta Sukan Kementerian Kewangan pada tahun 2012. Kini beliau menjadi penasihat kepada semua Kelab yang diwujudkan di Jabatan seperti KESUPEN, PEKIP, AKRAB dan PUSPANITA.




**YBRS. Sr AHMAD ZAILAN BIN AZIZUDDIN**
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta

## TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (DASAR STRATEGIK)

### Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim

Sr Tuan Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim dilahirkan di Temerloh, Pahang pada 6 April 1960 dan beliau memiliki empat orang cahaya mata. Mendapat pendidikan Diploma Penilaian daripada UTM tahun 1981 dan Sarjana Muda Ukur, Pengurusan Harta Benda UTM tahun 1983. Beliau melanjutkan pelajaran ke Post Graduate Diploma in Property Management and Valuation, di Shefield Hallam, University UK pada tahun 1994. Seterusnya memperolehi Accredited Training Professional (ATP) tahun 2015 daripada ILM UK. Beliau juga mempunyai kelulusan profesional iaitu Registered Valuer (V567) sejak tahun 2000, Registered Property Manager (PM004) sejak tahun 2018, Accredited Training Programme (ATP) London, Royal Institute of Surveyors Malaysia (RISM) (M4668) sejak tahun 2011, Ahli Malaysian Institute of Professional Property Managers (PM0525), Ahli of Business Valuers Association Malaysia (BVAM), (BVAM103) dan International Association of Certified Valuation Specialist (MAL00111). Beliau menceburi perkhidmatan awam pada 1 Julai 1983 sebagai Pegawai Penilaian di JPPH WPKL. Sejarah perkhidmatan dan pejabat yang pernah beliau bertugas seperti berikut ;

| Jawatan | Bahagian/ Cawangan | Tahun |
|---|---|---|
| Pegawai Penilaian | JPPH Kuala Lumpur | 1983 - 1988 |
| Pegawai Penilaian | JPPH Ibu Pejabat | 1989 - 1991 |
| Pegawai Penilaian | JPPH Kuala Lumpur | 1991 - 1993 |
| Pegawai Penilaian | Cuti Belajar (Sheffield Hallam University) UK | 1993 - 1994 |
| Pegawai Penilaian | JPPH Ibu Pejabat | 1994 - 1995 |
| Penilai Daerah | JPPH Temerloh | 1995 - 2000 |
| Penilai Daerah | JPPH Tawau | 2000 - 2001 |
| Pengarah Penilaian Negeri | JPPH Sabah | 2001 - 2005 |
| Pengarah | Bahagian Loji dan Jentera | 2006 - 2015 |
| Penilai Daerah | JPPH Shah Alam | 2015 - 2016 |
| Pengarah | Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan | 2016 - 2017 |
| Pengarah Penilaian Negeri | JPPH Johor | 2017 - 2018 |
| Pengarah | Institut Penilaian Negara (INSPEN) | 2018 |
| Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) | JPPH Ibu Pejabat | 2018 - sekarang |

Penglibatan beliau di peringkat antarabangsa begitu menyerlah di mana beliau adalah Panel Validasi untuk Lembaga Akreditasi TAQEEM yang dikendali oleh INSPEN di mana beliau adalah Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Jabatan bagi program Latihan TAQEEM, Arab Saudi dan terlibat dalam penyediaan nota, pembentangan, penyediaan soalan peperiksaan dan latihan bagi Program Latihan TAQEEM di Riyadh, Arab Saudi bagi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 bermula 2016 hingga sekarang. Begitu juga, bagi kerjasama dengan pihak DGSM, Indonesia, beliau merupakan salah seorang ahli High Level Meeting JPPH.

Dalam Bidang Loji, Jentera dan Peralatan, beliau merupakan pakar rujuk utama Jabatan dan menjadi input sebagai *Subject Matter Expert* dalam Bidang Loji, Jentera dan Peralatan. Dalam menjayakan tugas untuk kepentingan negara beliau telah menjayakan Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan kepada GLC seperti Malaysia Airport Berhad (MAB) dalam menjalankan penilaian untuk Insuran bagi semua Lapangan Terbang Antarabangsa, Domestik dan STOL Port kepunyaan MAB.

Keupayaan beliau terus diberi kepercayaan untuk mewakili Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke Persidangan Tahunan 2018 Penilai Papua New Guinea di Port Moresby pada 25 hingga 28 Jun 2018 serta menyertai sidang Panel persidangan tersebut. Beliau juga adalah penceramah jemputan dan pembentang kertas kerja yang hebat di dalam mahupun di luar negara. Menjadi penceramah sambilan di UiTM, UTM, UM, UTHO, INSPEN dan penceramah terbaik untuk program konsultan TAQEEM, Arab Saudi.

Penglibatan beliau yang banyak dalam menyumbangkan tenaga dan kepakaran yang dimiliki telah dihargai sepenuhnya oleh Jabatan dengan memberikan sijil penghargaan khidmat cemerlang untuk tahun 1996 hingga 2004. Sementara beliau diberikan dua kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1995 dan 2008. Pihak kerajaan Persekutuan juga mengiktiraf peranan beliau dengan menganugerahkan pingat kebesaran iaitu Pingat Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) dan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) kepada beliau.




**YBRS. Sr HAJI MOHD KHAIRUDIN BIN ABD HALIM**
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik)

## TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (OPERASI)

### Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)

Sr Tuan Haji A'zmi bin Abdul Latif merupakan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) berkuatkuasa pada 5 Disember 2018. Beliau berasal dari Simpang Ampat, Perlis yang dilahirkan pada 5 Mei 1962. Beliau mempunyai kelulusan Diploma In Valuation UTM (1984), B. Survey.(Property Management) UTM 1993, Masters in Science (Project Management) USM 1999 dan Masters in Business Administration (MBA) 1999, UUM. Beliau merupakan Penilai Berdaftar yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Hartanah dan Pengurus Harta Malaysia dan merupakan ahli International Associaton of Certified Valuation Specialists Malaysia (IACVS).

Beliau mula berkhidmat dengan JPPH pada 8 September 1984 sebagai Penolong Pegawai Penilaian di JPPH Seberang Perai, Pulau Pinang kemudiannya dilantik menjadi Pegawai Penilaian pada tahun 1994. Dari sini bermulalah perpindahan di pelbagai tempat seperti di JPPH Sungai Petani, Seberang Perai, Perak, Taiping, Kulim (PD), Taiping (PD), Gombak (PD), Sarawak (PPN), Georgetown (PD), Negeri Sembilan (PPN), Shah Alam (PD), Kuala Lumpur (PD), Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Standard Amalan, Pengarah INSPEN dan kini sebagai Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) mulai 5 Disember 2018 hingga sekarang.

Beliau mendapat sijil penghargaan khidmat cemerlang daripada tahun 1996 hingga 2004 dan diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dua kali iaitu tahun 2003 dan 2007. Beliau juga dianugerahkan pingat kebesaran daripada Istana Raja Perlis iaitu Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP) pada tahun 2018.

Dalam menerajui pejabat semasa berkhidmat beliau menerima tiga kali anugerah inovasi Jabatan iaitu Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Tahun 2008 - Pejabat Penilai Daerah Terbaik, Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta 2014 - Pejabat PPN Terbaik dan Anugerah Pengarah NAPIC 2012. Di bawah inisiatif strategik beliau terlibat dalam program *attachment* di Valuation Office Agency, London United Kingdom pada tahun 2011 selama sebulan bertujuan melihat sistem penilaian yang dijalankan di sana serta kaedah penilaian yang sering digunakan. Seterusnya tahun 2014 beliau ke Perth, Australia untuk menimba pengetahuan mengenai *Sustainable Leadership* dan membuat kajian di Majlis Mandurah, Australia Barat mengenai *Strategic Leadership* yang dijalankan di sana.

Beliau juga menjadi input sebagai *Subject Matter Expert* dalam bidang *Management Information System* bagi pembangunan Valuation Information System (VIS) yang baharu dan menganggotai pasukan Jabatan dalam menyediakan Garis Panduan International Valuation Standard (IVS) untuk projek Usahasama JPPH dan TAQEEM, Saudi Arabia. Beliau juga dilantik sebagai Naib Pengerusi Persatuan Pegawai Penilaian Perkhidmatan Awam (PENILAISAMA) dari tahun 2015 hingga 2017. Beliau aktif dalam pembentangan Kertas Kerja di dalam Jabatan dan seminar luar negara dan antara tajuk yang dibentangkan ialah Kajian Nilai Hartanah di Sekitar Bandar Kulim Selepas 10 Tahun Kewujudan Kulim High Tech Park, Proses Pembangunan Bandar Baru Sendayan dari Tanah Rancangan FELDA ke Bandar Baru, Unit Penilaian Cepat di JPPH Seremban dan Bandar Baru Kulim "Isu dan Masalah dalam Pembangunannya". Selain itu, beliau juga telah membuat pembentangan kertas 'Malaysian Valuation Profesion : The Way Forward' di PNGIVLA 2018 Conference, Port Moresby, Papua New Guinea. Beliau juga mengetuai Delegasi Malaysia ke mesyuarat Asian Valuer Association (AVA) di Jogjakarta, Indonesia.

Selain itu penglibatan beliau dalam projek berkepentingan negara adalah sebagai Panel Validasi TAQEEM, Kingdom Saudi Arabia yang dikendali oleh INSPEN di mana beliau juga merupakan Penggubal Nota Syarahan Fasa 4, TAQEEM dalam bidang Business Valuation dan juga sebagai Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Jabatan. Beliau juga adalah ahli Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) semenjak tahun 2013 sehingga sekarang. Kepakaran beliau diakui dalam pelbagai bidang antaranya Penilaian Hartanah Ladang dan Padang Golf, Panel Pakar NAPREC dalam bidang Real Estate Valuation, Pengerusi Subject Matter Expert on Management Information System, Panel Pakar Validasi Penyelidikan Jabatan. Di samping itu, beliau merupakan Assessor di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi Ipoh, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Melaka, Mahkamah Tinggi Muar dan Mahkamah Tinggi Johor Bahru.




**YBRS. Sr HAJI A'ZMI BIN ABDUL LATIF**
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)

# BAB 05

***Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH***



***En. Rashib bin Nang***

*Pengarah Kanan*
*Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta*



***Pn. Rosmah binti Rusli***

*Pengarah*
*Bahagian Teknologi Maklumat*



***Pn. Aina Edayu binti Ahmad***

*Pengarah*
*Bahagian Perancangan Strategik dan Standard Amalan*



***Tn. Syed Anuar bin Syed Norddin***

*Pengarah*
*Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan*



***En. Lee Tong Bian***

*Pengarah*
*Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Strategik*



***Pn. Sawiyah @ Sawiah binti Abdullah***

*Pengarah*
*Bahagian Perundingan Harta*



**En. Adam bin Abu Hanipah**

*Pengarah*
*Bahagian Khidmat Pengurusan*



**En Kamarudin bin Lope Pihie**

*Pengarah*
*Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah*



**En. Yusneta bin Idon**

*Pengurus Projek*
*Pasukan VIS Baru*



**Pn. Maznah binti Ngah**

*Ketua*
*Unit Integriti dan Pengauditan*



**Pn. Azlina binti Mohamad Nor**

*Ketua*
*Unit Komunikasi Korporat*

# BAB 06

*Pengarah Penilaian Negeri*

# CARTA ORGANISASI PEJABAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI





***En. Sautarwin bin Marto***

*Pengarah Penilaian Negeri Selangor*



***En. Abdul Razak bin Yusak***

*Pengarah Penilaian Negeri Wilayah Persekutuan*



***Pn. Rosni Nawati binti Ngah***

*Pengarah Penilaian Negeri Pulau Pinang*



***En. Hamidon bin Haron***

*Pengarah Penilaian Negeri Johor*



***En. Basarudin bin Mohd Basir***

*Pengarah Penilaian Negeri Perak*



***En. Amran bin Mat Yaacob***

*Pengarah Penilaian Negeri Kedah*



**En. Mohd Rofi bin Yusof**
*Pengarah Penilaian Negeri Terengganu*



**Pn. Norhayati binti Awang**
*Pengarah Penilaian Negeri Pahang*



**En. Johari bin Ismail**
*Pengarah Penilaian Negeri Sabah*



**En. Shahuddin bin Salleh**
*Pengarah Penilaian Negeri Perlis*



**En. Ahmad Suhaifis bin Abdul Halim**
*Pengarah Penilaian Negeri Sarawak*



**En. Valzahmer Erdino bin Mohd Tahir**
*Pengarah Penilaian Negeri Kelantan*



**En. Mohamad @ Masri bin Jainaen**

*Pengarah Penilaian Negeri Sembilan*



**En. Mohd Zaki bin Mohd Zain**

*Pengarah Penilaian Negeri Melaka*

## FUNGSI UTAMA

- Mengelola secara menyeluruh semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di negerinya.
- Menyediakan keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi negerinya.
- Memantau laporan berkala.
- Bertanggungjawab ke atas penyediaan semua laporan bagi penerbitan Jabatan bagi negerinya.
- Merancang, mengurus dan memantau Sasaran Kerja Tahunan bagi negerinya.
- Menguruskan perjalanan tindakan tatatertib Jabatan di negerinya.
- Merancang dan menentukan keperluan latihan bagi pegawai dan staf di negerinya.
- Memastikan pelaksanaan program pembaharuan dan pemodenan dalam mengurus dan mentadbir di negerinya.
- Melaksanakan keputusan dasar berkaitan kerja ikhtisas di negerinya.
- Menyemak dan meluluskan kerja penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya.
- Menilai harta tanah bagi kes tertentu.
- Memaklumkan kepada Ketua Pengarah Penilaian semua perubahan ikhtisas yang melibatkan negerinya.
- Menasihati dan menyelaraskan kerja ikhtisas dengan Jabatan dan agensi Kerajaan di negerinya.
- Menyelaras dan menyeliakan kerja Kadaran di negerinya.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan dan agensi dalam semua aspek perkhidmatan harta termasuk kajian kemungkinan, pengurusan harta tanah dan agensi harta tanah.
- Menghadiri mesyuarat, perbincangan dan perundingan berkaitan tugas ikhtisas.
- Mengumpul dan menyelaras data dan maklumat berkaitan industri harta tanah di dalam negerinya.
- Membantu Penasihat Undang-Undang Negeri mengenai perkara berkaitan penilaian dan pampasan bagi kes Rujukan Mahkamah.

# BAB 07

*Penilai Daerah*

# CARTA ORGANISASI PEJABAT PENILAI DAERAH



## FUNGSI UTAMA

- Mengelola semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi pejabatnya.
- Menguruskan laporan berkala Jabatan.
- Bertanggungjawab ke atas penyediaan laporan bagi penerbitan Jabatan di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan bagi pejabatnya.
- Menyediakan Laporan Tahunan bagi pejabatnya.
- Merancang, menyediakan dan menguruskan belanjawan tahunan pejabatnya.
- Menyemak dan meluluskan penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya tertakluk kepada peraturan had kuasa melapor.
- Menyelaras kerja teknikal bagi pejabatnya.
- Menilai harta tanah untuk pelbagai maksud.
- Menyelaras dan menyelia kerja Kadaran bagi daerah-daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri tentang perubahan ikhtisas dan pentadbiran yang melibatkan daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyelaras dengan Jabatan Persekutuan/ Negeri/ Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di daerah yang di bawah pengawasan pejabatnya.
- Hadir ke mahkamah sebagai Saksi Pakar bagi kes yang dirujuk ke Mahkamah.

## ❖ PENILAI DAERAH PEJABAT JPPH

| NEGERI KEDAH | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Pn. Fadzilah binti Abd. Hamid | PD Alor Setar |
| Cik Eng Lin Sin | PD Sungai Petani |
| Pn. Rismawati binti Ahmad | PD Kulim |
| En. Azizierul bin Ramli | PD Langkawi |

| NEGERI PULAU PINANG | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Che Rusle bin Mat Arop | PD George Town |
| Pn. Farha binti M. Saad | PD Seberang Perai |

| NEGERI PERAK | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Pn. Aishah binti Zakaria | PD Ipoh |
| En. Saharun bin Kassim | PD Taiping |
| En. Mohd Rizal bin Mawi | PD Teluk Intan |

| WILAYAH PERSEKUTUAN | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Pn. Arba'yah binti Ahmad | PD Kuala Lumpur |
| Pn. Roslima binti Taha | PD Labuan |

| NEGERI SELANGOR | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Pn. Kartini binti Nordin | PD Shah Alam |
| Cik Faziah binti Abd Rasid | PD Klang |
| En. Rahmat bin Kasim | PD Gombak |
| Tn. Hj. Azmi bin Abd. Khalid | PD Bandar Baru Bangi |
| Pn. Fazliyana binti Alias | PD Sepang |

| NEGERI TERENGGANU | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Pn. Norlinda binti Daim | PD Kuala Terengganu |
| En. Mohd Wira bin Mohd Fuzi | PD Jerteh |
| En. Ishak bin Yahaya | PD Chukai |

| NEGERI KELANTAN | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Zainal Abidin bin Zakaria | PD Kota Bharu |
| En. Mazli bin Muhammad Nor | PD Kuala Krai |

| NEGERI SABAH | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| Cik Tee Siew Bee | PD Kota Kinabalu |
| Pn. Chin Chui Vui | PD Sandakan |
| Cik Zarinah binti Abdullah | PD Tawau |

| NEGERI PAHANG | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Muhammad Noor Isman bin Ismail | PD Kuantan |
| Cik Norliza binti Nordin | PD Temerloh |
| En. Amran bin Abdullah Hadi | PD Raub |

| NEGERI JOHOR | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Raf'ee bin Ja'afar | PD Johor Bahru |
| En. Zulkefili bin Abd Rahman | PD Batu Pahat |
| Pn. Zahrah binti Ismon | PD Muar |
| Pn. Paridah binti Juwahir | PD Segamat |
| En. Abdullah bin Shafil | PD Kluang |

| NEGERI MELAKA | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Tan Eng Peik | PD Melaka |

| NEGERI SEMBILAN | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Noorhafez bin Nordin | PD Seremban |
| Pn. Nor Haida binti Mawardi | PD Jempol |

| NEGERI SARAWAK | |
|---|---|
| **NAMA** | **PEJABAT** |
| En. Muhammad Farizan bin Abdul Razak | PD Kuching |
| Pn. Song Mui Kee | PD Miri |
| Pn. Lisa Low Seow Wei | PD Sibu |

# BAB 08

***Fokus 2018***

## 9TH INTERNATIONAL REAL ESTATE RESEARCH SYMPOSIUM (IRERS 2018)

Pada 23 - 26 April 2018, JPPH sekali lagi berjaya menganjurkan International Real Estate Research Symposium (IRERS) di INSPEN. Edisi IRERS kali yang ke-9 dengan tema *Emerging Trends and Evolving Diversity in Real Estate* meneruskan kolaborasi dengan Western Sydney University, Australia; Ulster University, Northern Ireland, United Kingdom, Queensland University of Technology, Australia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Khazanah Research Institute. Selain daripada pembentangan kertas-kertas penyelidikan, IRERS 2018 turut membariskan acara Pertandingan *Poster, Academia Tips, Research Clinic* dan Sesi Industri. IRERS 2018 juga memperkenalkan slot pembentangan dalam bahasa kebangsaan yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta.

Sepanjang persidangan, sebanyak 88 kertas penyelidikan telah dibentangkan, meliputi topik penilaian harta tanah, pengurusan harta dan fasiliti, perundangan tanah, pelaburan harta tanah dan analisis pasaran serta pembangunan lestari, yang mana empat (4) daripadanya adalah oleh kolaborator seperti berikut:

| Bil. | Nama Penyelidik | Tajuk Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Graeme Newell,<br>Western Sydney University, Australia | *The Increasing Global Significance* |
| 2. | Prof. Sr Dr. Ting Kien Hwa,<br>Universiti Teknologi MARA, Malaysia | *International Real Estate Market Study: A Framework for World Class Office Development* |
| 3. | Prof. Dr. Hishamuddin Mohd Ali,<br>Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia | *Intangible Behavioural Model of Uncertainty in Property Valuation* |
| 4. | Dr. Suraya Ismail,<br>Khazanah Research Institute, Malaysia | *Making Housing Affordable* |

Selain itu, sebanyak lima (5) slot sesi industri telah disediakan melibatkan ahli panel dan/ atau pembentang berikut:

| Bil. | Topik | Ahli Panel/ Pembentang |
|---|---|---|
| 1. | *Waqf Development in Malaysia* | • Prof Dr. Khairuddin bin Abd Rashid, Kuliyyah of Architecture and Environmental Design, International Islamic University, Malaysia (IIUM)<br>• Dr. Nor Azizan Che Embi, Department of Finance, Kuliyyah of Economy and Management, International Islamic University, Malaysia (IIUM) |
| 2. | *The Challenges of Industrial Revolution 4.0 on Intellectual Property (IP)* | • Pn. Siti Munirah Maarof, Tan Norizan and Associates, Penilai IP Berdaftar<br>• En. Ahmad Fadzlee Rashid, IPVolusi Sdn Bhd Penilai IP Berdaftar<br>• En. Leong Jin Hoong, Arlene Tan & Co, Penilai IP Berdaftar |

| Bil. | Topik | Ahli Panel/ Pembentang |
|---|---|---|
| 3. | *Natural Resource Valuation for Non-Commercial Purposes in Malaysia* | • Dr. Awang Noor Abd Ghani,<br>Malaysian Environmental Economics Association<br>• Dr. Andrea Blake,<br>School of Engineering and Built Environment, Queensland Institute of Technology<br>• En. Muhamad Nahdi,<br>Directorate General State Asset Management (DGSAM), Indonesia |
| 4. | *Latest Amendments to the Valuers, Appraisers and Estate Agent Act 1981 (Act 242)* | • Sr Adzman Shah Mohd Ariffin,<br>ExaStrata Solutions Sdn Bhd<br>• Pn. R Mahaletchumi,<br>Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia (BOVAEP)<br>• Sr Ishak Ismail,<br>IM Global Property Consultants Sdn Bhd<br>• Sr Lim Boon Ping,<br>Kim Realty |
| 5. | *Emerging Trends and Evolving Diversity in Real Estate* | • Sr Khaidzir bin Abdul Rasip,<br>Iskandar Regional Development Authority (IRDA)<br>• Sr Sulaiman Akhmady,<br>Rahim & Co<br>• Dr. Jazmine Lim,<br>Ulster University, Northern Ireland, UK<br>• En. Isa Rachmatawarta,<br>Directorate General State Asset Management (DGSAM), Indonesia |

Dengan sempurnanya IRERS 2018, edisi berikutnya akan berlangsung dua tahun lagi iaitu pada 2020 iaitu edisi IRERS ke-10.











# BAB 09

***Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta***

## BAHAGIAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

## PRESTASI PENCAPAIAN JPPH

- **Peranan JPPH Dalam Pembangunan Negara**

JPPH memainkan peranan secara langsung di dalam pembangunan negara dengan memberikan nasihat dalam aspek penilaian harta tanah yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.

**Carta 1: Jumlah dan Unit Nilaian Mengikut Aktiviti Pada Tahun 2018**




- **Prestasi Pencapaian JPPH**

Pada tahun 2018, JPPH telah menjalankan penilaian ke atas 693,126 unit harta tanah dan jumlah nilai yang dilaporkan adalah RM522.88 bilion. Angka tersebut menunjukkan penurunan dalam jumlah nilaian harta tanah iaitu sebanyak 9.04% dan bilangan unit yang dinilai turut menurun sebanyak 5.39% berbanding tahun 2017.

**Carta 2: Jumlah Bilangan Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Pada Tahun 2013 - 2018**



- **Nilaian Untuk Maksud Pengambilan Tanah**

JPPH memberi khidmat nasihat kepada Pentadbir Tanah dalam menentukan pampasan yang harus dibayar. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) di Semenanjung Malaysia. JPPH bertanggungjawab menentukan nilai pasaran harta tanah yang terlibat dan pampasan terlibat yang diperuntukkan di bawah Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).

**Carta 3: Jumlah Unit dan Nilaian (RM) Yang Dilaporkan Bagi Kes Pengambilan Tanah (2013 - 2018)**




- **Nilaian Untuk Maksud Pembelian dan Penjualan**

JPPH berperanan membantu Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan menentukan nilai pasaran harta tanah dan bertindak sebagai penasihat dalam rundingan harga bagi mendapatkan harga terbaik. Jabatan ini juga menasihatkan Badan-Badan Berkanun atas nilai pasaran harta tanah untuk tujuan pembelian/ penjualan secara perjanjian persendirian.

**Carta 4: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Pembelian dan Penjualan (2013 - 2018)**



- **Penilaian Untuk Maksud Penswastaan dan Pengkorporatan**

Penswastaan merupakan pemindahan aktiviti dan fungsi sektor awam kepada sektor swasta, manakala Pengkorporatan adalah penukaran taraf agensi Kerajaan kepada syarikat milik penuh Kerajaan bertujuan mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1985 telah menetapkan bahawa agensi Kerajaan yang bercadang untuk menswastakan perkhidmatan mereka, boleh mendapatkan perkhidmatan nilaian daripada JPPH bagi tujuan penilaian aset agensi berkenaan.

**Carta 5: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Penswastaan dan Pengkorporatan (2013 - 2018)**




- **Penilaian Untuk Maksud Pemberimilikan Tanah**

Pemberimilikan Tanah adalah pemberian tanah rezab atau tanah kepunyaan Kerajaan Negeri yang dikurniakan kepada orang perseorangan atau agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan dengan dikeluarkan hak milik kekal atau pajakan serta dikenakan syarat atau sekatan yang tertentu berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan. Pihak Berkuasa Negeri mengenakan premium ke atas pemberimilikan tanah kerajaan negeri berdasarkan kepada nilai pasaran. Kadar premium yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.

**Carta 6: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Pemberimilikan Tanah (2013 - 2018)**




- **Penilaian Untuk Maksud Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)**

Tukar Syarat adalah proses penukaran kegunaan tanah sedia ada kepada satu kegunaan tanah yang lain mengikut peruntukan Seksyen 124, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bayaran premium tambahan terhadap tukar syarat kegunaan tanah. Kadar yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas-asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.

**Carta 7: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat) (2013 - 2018)**



- **Nilaian Untuk Maksud Percukaian Persekutuan**

Perkhidmatan penilaian bagi maksud percukaian persekutuan terbahagi kepada:
- Duti Setem
- Cukai Keuntungan Harta Tanah
- Duti Harta Pusaka

**Duti Setem**

Duti Setem merupakan duti yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila sesuatu harta tanah dipindah milik. Duti ini diperuntukkan di bawah Akta Setem, 1949 (Akta 378) melalui permohonan penilaian diterima daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Duti setem dikenakan oleh LHDN adalah berdasarkan nilai pasaran atau balasan yang dinyatakan dalam surat cara pindah milik tersebut, mengikut mana yang lebih tinggi. Ini diperuntukkan di bawah Seksyen 12A, Akta Setem 1949. JPPH berperanan memberikan perkhidmatan nilaian bagi penentuan pasaran harta tanah yang dipindah milik berkenaan.

**Carta 8: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Duti Setem (2013 - 2018)**




**Cukai Keuntungan Harta Tanah**

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169). Cukai ini dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi melalui penjualan harta. Fungsi JPPH ialah untuk menentukan dan menasihatkan LHDN mengenai nilai pasaran harta tanah pada tarikh perolehan dan tarikh pelupusan.

Kes yang biasa dirujuk ke JPPH termasuk kes seperti berikut:
- Pemberian
- Perolehan Sebelum 1970
- Pertukaran Harta
- Ketiadaan Balasan Wang
- Maksud Lain

**Carta 9: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Cukai Keuntungan Harta Tanah (2013 - 2018)**




## Duti Harta Pusaka

Duti Harta Pusaka dikenakan ke atas harta alih dan harta tak alih (termasuk kenderaan) yang dipusakai oleh seseorang. Perundangan yang berkaitan termasuk Enakmen Duti Harta Pesaka, 1941 (FMS No. 7 Tahun 1941); Ordinan Duti Harta Pusaka, 1942 (Bab 42, Undang-Undang Sabah); dan Ordinan Duti Harta Pusaka, 1933 (Bab 29, Undang-Undang Sarawak). Pihak yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perkiraan dan pungutan cukai ialah Pemungut Duti Harta di Pusaka Semenanjung Malaysia, Pesuruhjaya Duti Pusaka, Sabah dan Pegawai Probet Sarawak manakala JPPH dipertanggungjawabkan untuk menilai harta tanah yang terlibat.

**Carta 10: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Duti Harta Pusaka (2013 - 2018)**



- **Nilaian Untuk Maksud Lain**

**Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)**

Pusaka kecil ialah pusaka yang berupa harta-harta tak alih dan harta alih yang ditinggalkan oleh simati tanpa membuat wasiat, yang bernilai di bawah RM2 juta. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. JPPH diminta oleh Pegawai Pembahagian Pusaka Kecil yang biasanya terdiri daripada Pentadbir Tanah Daerah/ Jajahan untuk menentukan nilai pasaran harta tanah terlibat.

**Carta 11: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (2013 - 2018)**




- **Penilaian Untuk Maksud Pinjaman Perumahan**

Pegawai Perkhidmatan Awam diberi kemudahan pinjaman untuk membolehkan mereka memiliki harta tanah/ rumah sendiri. Pinjaman perumahan adalah tertakluk kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah bergantung kepada kelayakan pemohon dan nilaian harta tanah. Peranan JPPH ialah untuk menjaga kepentingan kerajaan dengan memberi nasihat kepada LPPSA, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai nilai pasaran harta berkenaan untuk maksud cagaran dan insurans kebakaran. JPPH juga memberikan perkhidmatan pengesahan kemajuan kerja untuk maksud bayaran berperingkat pembinaan rumah bagi pemohon yang tidak menggunakan perkhidmatan arkitek bertauliah.

Selain itu, JPPH juga menjalankan nilaian bagi Kerja Tambahan dan Kerja Ubahsuai serta mengesahkan bayaran berperingkat untuk kerja tambahan/ ubahsuai tersebut.

**Carta 12: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Pinjaman Perumahan (2013 - 2018)**




- **Sumbangan Membantu Kadar (SMK)**

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) merupakan sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi harta tanah yang diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan. Peranan JPPH adalah untuk mengesahkan Senarai Nilaian pegangan yang diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan serta nilai tahunan/ nilai tambah harta tanah berkenaan. Penilaian adalah berdasarkan prinsip yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**Carta 13: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Sumbangan Membantu Kadar (2013 - 2018)**



- **Sewaan dan Pajakan**

Memandangkan ruang pejabat dalam bangunan kerajaan terhad, banyak Jabatan Kerajaan terpaksa menyewa ruang pejabat dalam bangunan swasta. Penyewaan ruang pejabat bagi bangunan swasta oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga oleh pihak Perbendaharaan. JPPH menjalankan penilaian sewa bagi ruang pejabat yang berkenaan dan juga menjalankan perundingan dengan tuanpunya bangunan bagi menetapkan sewa yang berpatutan dan syarat-syarat sewaan.

Selain itu, JPPH juga diminta oleh Kerajaan Persekutuan untuk menentukan sewaan yang berpatutan bagi tanah-tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987. Jabatan ini juga terlibat dalam nilaian sewa atau pajakan tanah kosong yang tidak digunakan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ianya diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 dan Seksyen 223, Kanun Tanah Negara 1965.

**Carta 14: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Sewaan dan Pajakan (2013 - 2018)**




- **Nilaian Am**

Kes yang dikategorikan sebagai Nilaian Am ini adalah kes yang bukan semua maksud di atas. Kes Nilaian Am termasuk penilaian harta tanah yang dipohon untuk maksud panduan/ pengurusan dalaman, kes izin lalu, kes guaman sivil dan sebagainya.

**Carta 15: Jumlah Unit dan Nilaian Yang Dilaporkan Bagi Kes Nilaian Am (2013 - 2018)**




- **Kes-Kes Lain**

Klasifikasi Kes-kes Lain termasuk penilaian untuk maksud Cagaran, Urusan Pentadbiran Tanah, Pengurusan Aset, Rujukan Kes Mahkamah, Pendaftaran Hakmilik, Pampasan, Kajian Kemungkinan, Perlanjutan Milikan Tanah, Terbitan Modal/ Pelaburan Asing, Loji dan Jentera, Harta Kerajaan, Pemegang Amanah Raya, Baitulmal, Nilai Aset Syarikat Insurans, Kadaran, Insurans, Sewa Tahunan/ Cukai Tanah dan Lesen Pendudukan Sementara. Bandar Baru Bangi, JPPH Sepang, JPPH Ipoh dan JPPH Teluk Intan merupakan cawangan JPPH yang dipilih untuk melaksanakan perintis sistem berkenaan sebelum sistem ini digunakan di semua cawangan JPPH.



## PELAKSANAAN PERINTIS SISTEM MYeTaPP PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DI JPPH



Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta (BPPH) telah melaksanakan perintis Sistem MyeTaPP Pembahagian Harta Pusaka bermula 22 Oktober 2018. Pembahagian Harta Pusaka ini adalah mengikut daerah-daerah di bawah seliaan Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Selangor Timur dan Perak Tengah. Cawangan JPPH Bandar Baru Bangi, JPPH Sepang, JPPH Ipoh dan JPPH Teluk Intan merupakan cawangan JPPH yang dipilih untuk melaksanakan perintis sistem berkenaan sebelum sistem ini digunakan di semua cawangan JPPH.

Pelaksanaan Sistem MyeTaPP Pembahagian Harta Pusaka di JPPH adalah hasil kerjasama di antara pihak BPPH bersama Bahagian Teknologi Ibu Pejabat JPPH dengan Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan Bahagian Teknologi Maklumat JKPTG melalui beberapa siri mesyuarat  yang telah diadakan dan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat.

## BAHAGIAN PAMPASAN DAN PERUJUKAN MAHKAMAH (BPPM)

## VALUATION REPORT GENERATOR (VRG) VERSI 2.0



JPPH sentiasa berusaha meningkatkan sistem penyampaian agar kes penilaian dapat disiapkan dalam tempoh masa yang cepat serta menepati standard yang ditetapkan. Di antara tindakan untuk memudahkan dan membantu proses penilaian adalah dengan mempertingkatkan proses penyediaan laporan nilaian dengan menggunakan Valuation Report Generator (VRG).

Penggunaan VRG telah dimulakan seawal tahun 2007 dan telah melalui peningkatan pada tahun 2010 dan 2014. Namun begitu, penggunaannya masih belum mencapai objektif bagi mempercepatkan masa penyediaan laporan nilaian. Sehubungan itu, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah dilantik sebagai pengurus projek Peningkatan/Penambahbaikan Sistem VRG 2.0 bersama Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah (BP&PM) Ibu Pejabat sebagai ‘Business Owner’ telah menjalinkan kerjasama untuk melaksanakan projek ini.

Pada 11 Ogos 2018, Bahagian Teknologi Maklumat telah melaksanakan Peningkatan/Penambahbaikan Sistem VRG 2.0 dan JPPH Sepang yang telah dipilih sebagai pilot bagi projek.

Pada 15 Oktober 2018, Sistem Valuation Report Generator Versi 2.0 telah dilancarkan oleh YBrs. Sr. Tuan Haji Nordin bin Daharom (Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta) dan diserahkan kepada Sr. Kamarudin bin Lope Pihie (Pengarah Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah) sebagai ‘Business Owner’ di Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Bilangan 9/2018.

## BAHAGIAN PERUNDINGAN HARTA (BPH)

### Siri perbincangan terhadap penambahbaikan pengurusan pinjaman perumahan dan guaman sivil bersama LPPSA

Beberapa siri perbincangan dengan pihak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah diadakan susulan daripada beberapa pindaan atau penambahbaikan seperti berikut :



**Mesyuarat di antara JPPH Bersama pihak JKPTG**

- **Pinjaman Perumahan**
  LPPSA telah membuat penambahbaikan terhadap proses permohonan pembiayaan pinjaman perumahan di mana pemohon tidak perlu mengemukakan surat perjanjian jual beli yang ditandatangani sebaliknya memadai dengan mengemukakan Deraf Perjanjian Jual Beli atau Proforma atau Tawaran Untuk Membeli sahaja. Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani hanya perlu dikemukakan ketika urusan dokumentasi selepas Surat Setuju Terima pembiayaan ditandatangani. Proses permohonan ini terpakai ke atas semua jenis hartanah.

  Sehubungan itu Bahagian ini telah mengemukakan surat pemakluman kepada cawangan JPPH bertarikh 20 Februari 2018 supaya mengambil tidakan yang selari dengan penambahbaikan berkenaan untuk semua jenis permohonan penilaian pinjaman perumahan. Kategori hartanah yang memerlukan laporan penilaian JPPH merangkumi pembelian hartanah dalam bentuk rumah siap (daripada pemaju/ sub sale/ lelongan awam) dan dalam pembinaan berkonsepkan “build and sell” daripada pemaju.

- **Guaman Sivil**
  Susulan daripada hebahan berhubung Pelawaan Sebagai Panel Penilaian Hartanah Bagi LPPSA, perbincangan diantara JPPH dan LPPSA diadakan pada 3 Oktober 2018 bagi mendapatkan penjelasan mengenai notis berkenaan yang mana notis ini mempelawa Firma Penilai Hartanah Berdaftar untuk menjadi panel LPPSA bagi menyediakan laporan penilaian hartanah bagi tujuan berkaitan.

  Hasil daripada perbincangan berkenaan, JPPH mengambil maklum bahawa penggunaan panel penilai dari firma penilaian hartanah adalah hanya opsyen tambahan kepada pihak LPPSA sahaja dan tidak bermaksud untuk menafikan fungsi serta perkhidmatan yang diberikan oleh JPPH. Khidmat panel penilai ini hanya digunakan untuk hartanah yang terlibat dengan tindakan Guaman Sivil terpilih sahaja. Lain-lain skop perkhidmatan yang disediakan oleh JPPH masih lagi tidak berubah, kekal dan diperlukan oleh LPPSA.

  Beberapa isu berkaitan dengan maklumat di dalam laporan penilaian kes guaman sivil oleh JPPH juga turut diambil perhatian bagi memastikan nilaian yang dilaporkan adalah betul dan tepat.

### Bengkel Penilaian Pinjaman Perumahan

Bahagian ini turut terlibat didalam Bengkel Penilaian Pinjaman Perumahan anjuran INSPEN pada 3 September 2018 - 5 September 2018 bagi memberi kefahaman kepada peserta kursus (Penolong Pegawai Penilaian) berkaitan dasar, prosedur, isu-isu dan masalah berkaitan penilaian pinjamana perumahan.

## BAHAGIAN LOJI JENTERA DAN PERALATAN (BLJP)

Pada tahun 2018, terdapat lapan (8) kes yang telah dikendalikan termasuk dua (2) kes yang telah dijalankan sepenuhnya oleh bahagian ini. Kes - kes tersebut adalah Penilaian Loji Rawatan Air Perlis yang dimohon oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Perlis untuk tujuan Pengurusan Aset dan Pelupusan Komponen Bangunan Kompleks Kementerian Kewangan (MOF) untuk tujuan penjualan.

Bahagian ini juga menerima beberapa kes dari cawangan-cawangan untuk tujuan semakan melibatkan penilaian loji, jentera dan peralatan seperti Vessel Tangki Minyak (JPPH Chukai), Kilang Perusahaan dan Pemprosesas Makanan Khinzir (JPPH Sepang).




**Lawat Periksa Loji Rawatan Air Perlis**




**Lawat Periksa Aset MOF**

Bahagian ini juga menerima permohonan nilaian kes - kes pelupusan aset tak alih untuk tujuan pelupusan di bawah Tatacara Pelupusan Aset Tak Alih (TPATA) seperti Penilaian Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan dan George Town dan Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

BLJP juga terlibat dengan penilaian bagi maksud Kadaran (Cukai Taksiran) di Gas Processing Santong, Paka, Dungun, Terengganu dengan permohonan dari Majlis Perbandaran Dungun.



Perbincangan bersama MPD dan Petronas di Petronas Twin Tower pada 22 Februari 2018




Lawatperiksa pada 4 Mac 2018





Kerja-kerja lawatperiksa bersama kakitangan MPD dan Ibu Pejabat Petronas pada 4 Mac 20018



Pada 2-5 Julai 2018 , seramai sepuluh (10) orang peserta telah terpilih untuk menghadiri kursus PME Valuation For Oil And Gas Refinery yang telah diadakan di Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP), Bukit Rakit, Kuala Nerus , Terengganu.

Pada 27 Ogos sehingga 9 November 2018, bahagian ini telah membantu Institut Penilaian Negara (INSPEN) menjayakan Kursus Programme Plant Machinery Valuation (PPMV) selama 75 hari. Seramai 25 orang Pegawai Penilaian Gred W41 hingga W48 telah mengikuti kursus tersebut. Antara Integrated Project (IP) yang telah dijalankan oleh peserta kursus adalah Kilang Kelapa Sawit Labu, Negeri Sembilan, Kuari Pekan Awah, Temerloh, Lapangan Terbang Melaka, Loji Rawatan Air Gemencheh, Negeri Sembilan dan Loji Rawatan Kumbahan, Presint 14 Putrajaya.







Pada tahun 2018, bahagian ini telah melancarkan Database Plant, Machinery dan Equipment untuk memudahkan pegawai - pegawai cawangan menjalankan kerja - kerja nilaian yang melibatkan Loji, Jentera dan Peralatan. Bengkel berkaitan penggunaan database tersebut telah diadakan di INSPEN pada 27 September 2018 kepada pegawai - pegawai cawangan yang terpilih.





Pada 31 Oktober 2018, Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan juga telah menghadiri mesyuarat bersama pegawai Petronas (KLCC) bagi membincangkan penilaian aset-aset PETRONAS CARIGALI bagi tujuan Penjualan.





Pada 27 dan 28 November 2018, En. Faziazam Kasim dan En. Mohd Hisham Zuraidi Jusoh telah diarahkan menjalankan lawatan tapak bersama - sama pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya dan Jabatan Kerja Raya (JKR), Ibu Pejabat Kuala Lumpur di Ranau, Sabah dan Bintulu, Sarawak bagi membantu SPRM menjalankan penilaian Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset / Diesel yang terlibat dengan Cadangan Pelaksanaan Menerusi Rundingan Terus Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset / Diesel bagi 369 Sekolah Luar Bandar Sarawak. Namun kerja - kerja penilaian tersebut masih belum dijalankan kerana masih menunggu maklumat lengkap dari SPRM dan JKR.

## BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN STANDARD AMALAN
## BAB PENGURUSAN KUALITI

### PELAN STRATEGIK JPPH 2017 - 2020



Pelan Strategik jabatan telah memasuki tahun kedua dan dalam tempoh tersebut, sejumlah 11 projek strategik telah berjaya disiapkan manakala tiga lagi projek dalam peringkat pembangunan. Pelaksanaan projek yang telah disiapkan ini penting untuk diteruskan agar objektif pelan ini dapat direalisasikan menjelang tahun 2020. Pada tahun 2018, bagi memastikan kesinambungan projek Pelan Strategik, sejumlah tiga lagi projek dikenalpasti untuk mula dibangunkan pada tahun 2019.




### PELAN PENGURUSAN RISIKO JPPH




Pelan Pengurusan Risiko JPPH merupakan pelan yang julung kali diterbitkan oleh JPPH sebagai panduan dan rujukan dalam menangani pelbagai risiko jabatan. Pelan ini dapat membantu jabatan mengenal pasti risiko yang akan memberi implikasi ke atas tadbir urus, kerugian kewangan dan imej jabatan.

Dengan ini, pelan ini merupakan satu aspek pengurusan yang penting dalam memastikan hala tuju dan perancangan jabatan tercapai. Pelan ini telah dilancarkan pada 1 Jun 2018.

### MANUAL PENILAIAN SUMBER ALAM: PENILAIAN HUTAN LIPUR (REKREASI)




Manual ini merupakan manual pertama yang diterbitkan oleh JPPH bagi siri penilaian sumber alam yang dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam penerokaan satu bidang penilaian baharu bagi jabatan. Penyediaan manual ini adalah sebagai langkah proaktif dalam memenuhi keperluan khusus bagi pelaksanaan perakaunan akruan yang meliputi penilaian sumber alam termasuk hutan lipur. Manual ini telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018.



## PELAN TINDAKAN INOVASI JPPH




Pelan Tindakan Inovasi JPPH disediakan sebagai panduan dari segi dasar, strategi, pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan keberkesanan aktiviti inovasi yang lebih terancang agar penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Di samping itu, pelan ini dapat menggalakkan pembudayaan inovasi dan kreativiti di semua lapisan warga jabatan. Pelan ini telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018.

## BUKU JPPH SEPANJANG ZAMAN 2001 - 2018




Buku JPPH Sepanjang 2001 - 2018 ini adalah kesinambungan catatat sejarah penting daripada siri terdahulu iaitu dari tahun 1957 hingga 2000 dan siri masa 2000 hingga 2015 yang telah diterbitkan sebelum ini. Selain daripada memfokuskan penceritaan kepada perkembangan semasa pejabat JPPH di seluruh negara, buku ini juga menerangkan peranan penting JPPH dalam memacu pembangunan negara khususnya dalam tempoh 2015 hingga 2018. Buku ini turut dimuatkan satu bab baharu berhubung Kelestarian Pengurusan Kualiti JPPH. Buku ini telah dilancarkan pada 4 Disember 2018.



# BAB 10

*Institut Penilaian Negara (INSPEN)*

# CARTA ORGANISASI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)



## AKTIVITI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN) PADA TAHUN 2018

Institut Penilaian Negara (INSPEN) adalah pusat latihan, penyelidikan dan pendidikan di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Aspek pembangunan modal insan diberi perhatian serius oleh pihak kepemimpinan organisasi dengan persijilan MS ISO 9001 menjadikan INSPEN penggerak utama dalam membangunkan pengetahuan dan kemahiran modal insan Jabatan dan industri amnya melalui latihan, penyelidikan dan pendidikan dalam bidang harta tanah di rantau Asia. Pencapaian aktiviti dan program adalah seperti berikut:

- **PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL**

    - **UNIT PEMBANGUNAN KEPAKARAN**

Pada tahun 2018, Pusat Pembangunan Profesional merancang sebanyak 87 kursus berikutan pengekalan pekeliling JPA(I) S.171/4/1-1Klt.22(38) bertarikh 29.02.2016 berkaitan penangguhan penguatkuasaan pelaksanaan berkursus 7 hari setahun.

Sepanjang tahun 2018, terdapat pertambahan sebanyak 12 kursus dan pembatalan sebanyak 12 kursus menjadikan jumlah keseluruhan kursus adalah 87. Daripada keseluruhan 87 kursus yang telah dilaksanakan, sebanyak 47 kursus merupakan kursus teknikal, 35 kursus merupakan kursus bukan teknikal dan baki 5 kursus pula adalah berbentuk On Job Training (OJT). Prestasi aktiviti latihan INSPEN bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

**Jadual 10.1: Latihan: Kursus/ Bengkel/ OJT/ CPD Bagi Tahun 2018**

| Perkara | | Sasaran | Tahun 2018 | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Pencapaian | |
| a. | Bilangan Kursus/Bengkel/OJT/CPD/<br>MTCP<br>Kursus ditambah<br>Kursus dibatal | **87 dirancang<br>12<br>12** | **87** | **100.00%** |
| b. | Bilangan Peserta | **2,300** | **2,329** | **101.26%** |
| **Lain-lain** | | | | |
| a. | Bilangan Lain-Lain Program<br>Simposium<br>Ceramah Nilai Murni<br>Program Pemantapan Fizikal | <br>**1<br>2<br>1** | <br>**1<br>2<br>2** | <br>**100.00%<br>100.00%<br>200.00%** |
| b. | Bilangan Peserta | **300** | **662** | **220.67%** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | | |
| a. | Bilangan Program | **91** | **92** | **101.10%** |
| b. | Bilangan Peserta | **2,600** | **2,991** | **115.4%** |

**Jadual 10.2: Latihan: Kursus Bagi Tahun 2011 - 2018**

| Tahun | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Sasaran** | 116 | 129 | 125 | 126 | 121 | 72 | 74 | 87 |
| **Pencapaian** | 122 | 129 | 130 | 140 | 141 | 86 | 87 | 87 |

**Jadual 10.3: Latihan: Kursus/ Bengkel/ OJT/ CPD Bagi Tahun 2018**

| Tahun | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Sasaran** | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 4,000 | 2,400 | 2,000 | 2,300 |
| **Pencapaian** | 3,683 | 4,143 | 4,447 | 4,277 | 4,983 | 2,992 | 2,616 | 2,329 |

- **UNIT PENGURUSAN LATIHAN**

Unit Pengurusan Latihan diwujudkan untuk menguruskan program selain kursus dalam perkhidmatan seperti program penempatan dan kursus dalam dan luar negara bagi staf JPPH di bawah peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bajet Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA). Bagi program penempatan yang diuruskan pada tahun 2018, terdapat 3 program penempatan dalam negara dan 1 program penempatan luar negara seperti berikut:

**Jadual 10.4: Program Penempatan Dalam Negara 2018**

| Bil. | Nama | Jawatan | Caw. | Nama Kursus | Tempat | Tarikh | Bajet |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Firdaus Abd Hamid | Pensyarah Kanan W44 | INSPEN | Program Penempatan Pengurusan Harta Tanah | True Vest Sdn Bhd | 10 Dis 2018 - 09 Jan 2019 | INSPEN |
| 2. | Nor Haida Mawardi | Pengurus Latihan Kanan W44 | INSPEN | Program Penempatan Penilaian Harta Tanah | JPPH Sepang | 10 Dis 2018 - 04 Jan 2019 | INSPEN |
| 3. | Ruzanna Rusli | Pensyarah W41 | INSPEN | Program Penempatan Penilaian Harta Tanah | JPPH Bangi | 1 - 31 Disember 2018 | INSPEN |

**Jadual 10.5: Program Penempatan Luar Negara 2018**

| Bil. | Nama | Jawatan | Caw. | Nama Kursus | Tempat | Tarikh | Bajet |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Norsaidatina Mohamad Said | Ketua Unit KHidmat IT F44 | INSPEN | E-Learning Attachment Program (by DGSAM) | Indonesia | 5 - 9 November 2018 | One-Off INSPEN |
| 2. | Farah Mat Nazri | Pegawai Latihan W41 | INSPEN | | | | One-Off INSPEN |

Melalui peruntukan yang diperolehi di bawah bajet Tenaga Pengajar ILA dan One-Off INSPEN, Unit Pengurusan Latihan juga turut menguruskan kursus dalam dan luar negara seperti berikut:

**Jadual 10.6: Kursus Dalam Negara 2018**

| Bil. | Nama | Jawatan | Caw. | Nama Kursus | Tempat | Tarikh | Bajet |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Basarudin bin Mohd Basir | Ketua Pembangunan, Penyelidikan dan Kepakaran W54 | INSPEN | Best Practices in Facilities & Property Management | Kuala Lumpur | 20 - 21 Mac 2018 | ILA |
| 2. | Mohd Zamri bin Awang | Ketua Pusat Pembangunan Profesional W52 | | | | | |
| 3. | Rafidah binti Abdullah | Pensyarah Kanan W44 | INSPEN | Market Study For Property Development | Kuala Lumpur | 11 - 12 April 2018 | ILA |
| 4. | Jamhamalila binti Abd Kassim | Pegawai Penilaian Kanan W44 | JPPH Shah Alam | | | | |
| 5. | Khairul Anuar bin Abdul Rahim | Pengurus Latihan Kanan W44 | INSPEN | Workshop on Real Estate Law | Johor | 15 Ogos 2018 | ILA |
| 6. | Nur Wahida binti Abdul Wahab | Pegawai Penilaian Kanan W44 | JPPH Kuala Lumpur | | | | |

**Jadual 10.7: Kursus Luar Negara 2018**

| Bil. | Nama | Jawatan | Caw. | Nama Kursus | Tempat | Tarikh | Bajet |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Norhayati binti Awang | Penilai daerah W52 | JPPH Bandar Baru Bangi | Advanced Business Valuation Training Course | London | 3 - 4 April 2018 | ILA |
| 2. | Muhammad Rosizhar bin Abdul Rahim | Pegwai Penilaian W41 | JPPH Klang | | | | |
| 3. | Musa bin Mohamed | Pegawai Penilaian W44 | NAPIC HQ | Fundamentals of the Valuation of Complex Properties No. 3 | Thailand | 12 - 15 Ogos 2018 | |
| 4. | Noraslinda binti Abdul Raub | Pegawai Penilaian Kanan W44 | Ibu Pejabat | | | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | Norliza binti Nordin | Penilai Daerah W48 | JPPH Temerloh | Geothermal Valuation Training Course | Indonesia | 6 - 11 Ogos 2018 | One-Off INSPEN |
| 6. | Ruzita binti Abdullah | Pengurus Latihan Kanan W44 | INSPEN | | | | |
| 7. | Rosliza binti Ramli | Ketua Pembangunan, Penyelidikan dan Kepakaran W54 | INSPEN | Business Valuation Training Course | | 24 - Sept. - 5Okt. 2018 | |
| 8. | Maznah binti Ngah | Ketua Unit Pengauditan dan Integriti W52 | Ibu Pejabat | | | | |

Di samping menguruskan program penempatan dan kursus dalam dan luar negara, Unit Pengurusan Latihan juga turut menguruskan permohonan penempatan bagi pensyarah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi Program Penempatan atau Latihan Industri. Tiada permohonan penempatan daripada pensyarah yang diterima pada tahun 2018 manakala permohonan bagi latihan industri oleh pelajar adalah sebanyak 77 seperti berikut:

**Jadual 10.8: Penempatan Pelajar bagi Latihan Industri 2018**

| Bil. | Nama IPTA | Bilangan Permohonan |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) | 59 |
| 2. | Universiti Teknologi Malaysia UTM) | 15 |
| 3. | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) | 3 |
| | **Jumlah** | **77** |

**Pembangunan Panel Perunding Jabatan (PPJ)**

Panel Perunding Jabatan (PPJ) telah melaksanakan penyediaan pakej jurulatih mengikut bidang pada tahun 2018. Beberapa siri bengkel telah diadakan sepanjang tahun dan telah berjaya menyiapkan pakej seperti berikut:

**Jadual 10.9: Pakej Jurulatih 2018**

| Bil. | Bidang | Tajuk Pakej Jurulatih |
|---|---|---|
| 1. | Penyelidikan dan Pembangunan | Kursus Penyelidikan Harta Tanah Modul 2: Ulasan Literatur<br>Kursus Penyelidikan Harta Tanah Modul 3: Metodologi Penyelidikan dan Analisis Data<br>Kursus Penyelidikan Harta Tanah Modul 4: Penyediaan dan Penulisan Laporan |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Penilaian Harta Tanah | Kemas kini Pakej Jurulatih:<br>Modul 1: Pendekatan Perbandingan<br>Modul 2: Kaedah Kos<br>Modul 3: Kaedah Nilai Baki<br>Modul 4: Kaedah Pelaburan<br>Modul 5: Kaedah Keuntungan<br>Modul 6: Kaedah DCF |
| 3. | Pengurusan Harta Tanah | Kursus Persediaan Pegawai kader COB di Pihak Berkuasa Tempatan |
| 4. | Pengurusan Data | Kursus Pengumpulan dan Pengurusan Data NAPIC<br>Pemasukkan Data PIMS-PRISM<br>Kursus Memahami Penerbitan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM)<br>Kursus Memahami Penerbitan Indeks Sewaan Pejabat Binaan Khas (PBORI) |
| 5. | Teknologi Maklumat | Kursus Aplikasi Geographic Information System (GIS) |

Sistem Penilaian Kursus Online yang dibangunkan pada tahun 2017 oleh PPJ Bidang Teknologi Maklumat telah diguna pakai untuk penilaian Pre-Test dan Post-Test kursus pada tahun 2018.

- **PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**
  - **UNIT PENYELIDIKAN**

**Program Penyelidikan Jabatan**

Pada tahun 2018, sebanyak sembilan (9) kertas penyelidikan gunaan dan dua (2) kertas penyelidikan informatif telah diluluskan oleh Jawatankuasa Validasi Penyelidikan JPPH seperti berikut:

| Bil. | Nama Penyelidik | Tajuk Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Rohana binti Abdul Rahman | Merealisasi “Multi Level Marketing” untuk Ejen Hartanah di Malaysia |
| 2. | Dahlia Mudzaffar Ali | Quantifying Terrain Factor Using GIS Applications |
| 3. | Fatimah binti Zulkifli | Kesan Densiti Terhadap Nilai Harta Tanah Kediaman |
| 4. | Mashitoh Halim | Assessment of Residents’ Capacity for Housing Transaction from the Social Housing Sector |
| 5. | Muhammad Rosizhar bin Abdul Rahim | Landscape and Urban Open Space: The Significance to the Residential Property Buyer |
| 6. | Norain binti Abdul Hamid | Kesan Pembukaan UNIMAP Kepada Stok dan Nilai Hartanah Perniagaan di Perlis |
| 7. | Norliza binti Nordin | Faktor Senibina Terhadap Nilai Bangunan Warisan |

| | | |
|---|---|---|
| 8. | Siti Rosemawar binti Mohd Sahi | Kesedaran Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala |
| 9. | Norafifah binti Suboh | Zon Perlindungan Keretapi (Railway Protection Zone): Penentuan Pampasan Kesan Mudarat (Injurious Affection) |
| 10. | Nooraini Haron | Info Lesen Pendudukan Sementara (LPS) |
| 11. | Ku Aishirulmaizi Ku Adnan | Harta Tanah Kediaman Tidak Terjual di Malaysia |

Selain itu, Program Research Intern yang melibatkan pegawai-pegawai dari pejabat cawangan JPPH telah menyumbang kepada pertambahan bilangan kertas penyelidikan jabatan khasnya dengan penyertaan 18 Research Intern baharu, menjadikan jumlah kertas penyelidikan oleh Research Intern sebanyak 23 tajuk yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Validasi Penyelidikan Jabatan:

| Bil. | Nama Penyelidik | Tajuk Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Ishak bin Yahaya | Tinjauan Pasaran Harta Kediaman di Kawasan Industri Minyak Kerteh dan Kuala Paka |
| 2. | Farius bin Maarif | Hubungkait Harga Rumah dan Pendapatan Terhadap Kemampuan Pemilikan Rumah |
| 3. | Mohd Khairil Azley bin Lahom | Faktor Pemilihan Pembeli Kediaman Bertingkat. Kajian Kes: Melinsung Summer Bay Apartment, Daerah Papar, Sabah |
| 4. | Nor Azian binti Abu Samah | Pemilikan Harta Tanah Kediaman oleh Bumiputera di Lembah Klang |
| 5. | Victor Vincent | Pemilihan Pembeli Rumah di Kuching |
| 6. | Rabiatul Adawiyah binti Ariffin | Perbandingan Nilaian JPPH dan Keputusan Mahkamah di Negeri Pahang : Pemberian Pampasan Pecah Pisah dan Kesan Mudarat |
| 7. | Hilal Azrul bin Mohd Shadad | Harga Pasaran Harta Tanah Ladang Kelapa Sawit: Kawasan Kajian di Lahad Datu |
| 8. | Rohasrimy bin Mat Ripen | Kepuasan Pengguna Terhadap Kemudahan Masyarakat, Infrastruktur dan Utiliti di Bandar Baru Bukit Gambir |
| 9. | Maisarah binti Mohammad Dom | Kajian Tahap Pembeli Bumiputera Terhadap Pembelian Hartanah Kediaman di Daerah Muar |
| 10. | Norzuraini binti Che Hassan & Norfadila binti Saiful Bahry | Penentuan Elaun Tepi/ Hujung bagi Harta Tanah Perniagaan |
| 11. | Adli bin Sukor | Kajian Terhadap Penurunan Nilai Harta Tanah di Nexus Residence Karambunai, Precinct Dillenia |
| 12. | Zulhisyam bin Abdul & Shamsul Amer bin Zainol | Peratusan Perbezaan yang Wajar diantara Tanah Rizab Melayu dengan Luar Rizab Melayu di Negeri Kedah. Kajian Kes: Daerah Kubang Pasu, Kedah |
| 13. | Nor Diana Aisyah binti Nor Hanapi & Siti Normah binti Sulaiman | Kajian ke atas Keupayaan Golongan Berpendapatan Sederhana dalam Memiliki Rumah di Seremban |

| | | |
|---|---|---|
| 14. | Rubiatun Akmal binti Amran | Penawaran dan Permintaan bagi Pemilikan Perumahan PRIMA di Pahang |
| 15. | Syifa binti Hj. Md. Saad & Syuzairin binti Suhaimin | Kadar Caj Pembangunan ke atas Perubahan Nisbah Plot dan Kesannya kepada Nilai Harta Tanah. Kawasan Kajian: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 16. | Nurul Asshima binti Aminullah & Aqeela binti Mohd Pauzi | Kajian Trend Pasaran Harta Kediaman Bertingkat (Strata) dari Tahun 2007 hingga Tahun 2017 di Pulau Pinang - Faktor Pergerakan Harga dan Transaksi |
| 17. | Rismawati binti Ahmad & Ros Shamiza binti Ahmad | Lambakan Rumah di Sungai Petani: Punca dan Kesan kepada Nilai Pasaran Harta Tanah |
| 18. | Yuhadi bin Sannudin | Kajian Kualiti Perkhidmatan Penilaian Kes Pinjaman Perumahan JPPH Perak |
| 19. | Farhana binti Mohd Radzi & Norhaida binti Abdullah | Kajian Penentuan Harga Pindahmilik Pertama Rumah Teres Kos Rendah yang Siap dibina di Negeri Kedah |
| 20. | Ikhwan Syafieq bin Mohd Sarwani | Hakisan Persisiran Pantai: Kesan Terhadap Nilai Harta Tanah Terlibat (Kajian Kes: Ban Pecah Sungai Batang, Bagan Datoh) |
| 21. | Farah binti Mat Nazri & Marliyana binti Saharan | Kajian Keberkesanan Certified Trainer Sebagai Input Program Latihan |
| 22. | | Kajian Pemilikan Harta Tanah Kediaman oleh Pembeli Antarabangsa di Selangor |
| 23. | Mariyani Marodzakhi | Kesan Pembukaan UNIMAP Kepada Stok dan Nilai Hartanah Perniagaan di Perlis |

**Seminar Penyelidikan JPPH Ke-9**

Seminar Penyelidikan JPPH Ke-9 telah diadakan pada 5 September 2018 bertempat di Dewan Nusantara dan dirasmikan oleh YBrs. Sr Haji Nordin bin Daharom, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPDI) sejak tahun 2010 ini merupakan satu platform untuk menyampaikan dan menyebarkan hasil kajian yang dibuat oleh penyelidik jabatan kepada warga JPPH lain. Slot pembentangan dalam seminar sehari ini adalah terhad, oleh itu keutamaan diberikan bagi kajian yang berkaitan dengan isu-isu harta tanah dan penilaian, khasnya yang diberi penekanan oleh pengurusan tertinggi jabatan. Senarai kertas penyelidikan yang dibentangkan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama Penyelidik | Tajuk Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Rahmat bin Kasim<br>Dr. Rohana binti Abdul Rahman<br>Muhammad Nor Fuad Ishak *<br>Nur Hafizah Zahari | Kajian Cost Benefit Analysis: Pelaksanaan Akta Penilai, Pentaksir danEjen Harta Tanah, Akta 242 (Pindaan) 2017 |
| 2. | Fatimah binti Zulkifli | Kesan Kemudahan dalam Skim Komuniti Berpagar (Gated Community) terhadap Nilai Harta Tanah |
| 3. | Norafifah binti Suboh | Kesan Dasar Kerajaan Negeri terhadap Harga Rumah Semasa |

| | | |
|---|---|---|
| 4. | Farah Mat Nazri & Marliyana binti Saharan * | Kriteria Pemilihan Pembeli dan Pemaju dalam Pembelian dan Penawaran Bangunan Kedai |
| 5. | Nor Azian binti Abu Samah | Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kenaikan Harga Harta Tanah Kediaman di Sabah |
| 6. | Hilal Azrul Mohd Shadad | Senario Pengambilan Balik Tanah (PBT) (Semenanjung Malaysia dan Sarawak) daripada Aspek Perundangan dan Teknikal |
| 7. | Rabiatul Adawiyah Ariffin | Senario Pengambilan Balik Tanah (PBT) (Semenanjung Malaysia dan Sarawak) daripada Aspek Perundangan dan Teknikal |
| 8. | Rohasrimy Mat Ripen | Keperluan Rumah Mampu Milik di Negeri Johor |
| 9. | Ku Aishirulmaizi Ku Adnan | Pangkalan Data Kos Kerja Ubahsuai |

*** Pembentang**

- **UNIT PERUNDINGAN DAN INOVASI**

**Perkhidmatan Perundingan - Dalam Dan Luar Negara**

Pada tahun 2018, sebanyak lima (5) khidmat perundingan dilaksanakan di dalam dan luar negara dalam bidang latihan dan khidmat pakar seperti berikut:

| Luar Negara | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **Agensi** | **Negara** | **Catatan** |
| 1. | Directorate General of State Asset Management (DGSAM) | Indonesia | **Khidmat Perundingan Pakar:**<br>1. Attachment Organising International Conference<br>2. Practical Sharing Experience:<br>• Competency Standards and Valuers Levelling<br>• Green Building Valuation and Case Study<br>• Knowledge Management<br>• E-Learning & Training Management Programme<br><br>**Khidmat Perundingan Latihan:**<br>1. Attachment in organising International Conference<br>2. International Real Estate Research Symposium 2018 (as participant and presenter)<br>3. Valuation for Ex-Mining and Reclamation Land<br>4. Malaysian Technical Coorporation Programme<br>5. Geothermal Valuation Training<br>6. Business Valuation Training |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | Saudi Authority for Accredited Valuers (TAQEEM) | Arab Saudi | **Khidmat Perundingan Kepakaran:**<br>1. Penyediaan kit latihan untuk modul (Fasa 3) - Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan (Kod 401-405)<br>2. Lawatan Teknikal ke Pusat Akademik, INSPEN<br><br>**Khidmat Perundingan Latihan:**<br>1. Khidmat perundingan latihan (Fasa 3) - Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan (Kod 401) |

| **Dalam Negara** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **Agensi** | **Tempat** | **Catatan** |
| 1. | SME Bank | Menara SME | Khidmat Perundingan Latihan :<br>1. Technical Talk I - Real Estate Valuation<br>2. Technical Talk II - Plant. Machinery and Equipment Valuation |
| 2. | Koperasi Jabatan Penilaian (KONILAI) | Seberang Perai | Khidmat Perundingan Latihan :<br>1. CPD: Plant, Machinery and Equipment (PME) Valuation<br>2. Assessor Preparation Course |
| 3. | Penilaisama | INSPEN | Khidmat Perundingan Latihan :<br>1. Kursus Peningkatan Kompetensi Profesion Pembantu Penilaian untuk Majlis Perbandaran Klang |

**Kerjasama Dengan Agensi Tempatan**

Pada tahun 2018, sebanyak satu (1) Memorandum of Understanding (MoU) antara JPPH dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) ditandatangani pada 07 Ogos 2018 di Johor Bahru, Johor.

**Penghasilan Produk**

Pada tahun 2018, sebanyak dua (2) produk penerbitan dihasilkan dalam bidang harta tanah seperti berikut:

| Bil | Jenis Produk | Nama |
|---|---|---|
| 1. | Buku Kajian Kos | Kajian Kos Binaan Bangunan 2017 |
| 2. | Buku Penilaian | Penilaian Tanah Bawah Tanah |

| Bil | Aktiviti | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Pertandingan Fotografi Inovasi | Jun - Julai 2018 |
| 2. | Lawatan Inovasi | September 2018 |
| 3. | Pertandingan MyInnovation Space | Julai - Ogos 2018 |

| | | |
|---|---|---|
| 4. | Pertandingan Projek Inovasi | Ogos - November 2018 |
| 5. | Sambutan Hari Inovasi | Disember 2018 |

- **UNIT NAPREC (KOORDINATOR DANA PENYELIDIKAN HARTA TANAH NEGARA)**

**Dana Penyelidikan NAPREC**

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, NAPREC telah memantau 33 projek penyelidikan (Fasa 1) yang telah diluluskan pada tahun 2016 dengan jumlah kos penyelidikan yang diluluskan sebanyak RM 1,98,400.00. Dari 33 projek tersebut sebanyak 26 projek telah siap dijalankan. Pada tahun 2017, tawaran pembiayaan geran penyelidikan NAPREC Fasa 2 telah dibuka dan sebanyak 13 projek penyelidikan yang berjaya dapat dilancarkan pada 2018 (selepas perjanjian ditandatangani). Pada masa ini kesemua 13 projek adalah dalam proses penyelidikan dan pemantauan oleh Panel-panel Pakar NAPREC dan Sekretariat NAPREC. Projek Penyelidikan Fasa 2 akan berjalan selama 12 bulan dengan jumlah dana yang diluluskan lebih kurang RM 765,000.00

**Industry Session**

Salah satu matlamat NAPREC dalam menyampaikan hasil penyelidikan yang telah dibiayai oleh dana penyelidikan NAPREC, dua (2) siri industry session telah dijalankan. Objektif program ini adalah untuk memastikan penyelidikan yang telah dibiayai oleh NAPREC telah membantu stakeholder yang tepat dan seterusnya memberi manfaat kepada penggiat industri harta tanah negara. Industry session telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

a. Industry Session 1: Pembangunan Tanah Wakaf
   - Telah diadakan pada 24 April 2018
   - Telah diadakan Industry Session dalam platform International Real Estate Research Symposium (IRERS 2018) dengan penyertaan seramai 69 orang yang terdiri dari agensi yang berdaftar bawah Yayasan Wakaf Malaysia, Majlis-Majlis Agama Islam Negeri, Pejabat Mufti Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju yang membangunkan tanah wakaf dan agensi-agensi lain yang dijemput.

b. Industry Session 2: Grading Shopping Complex
   - Telah diadakan pada 4 Julai 2018
   - Industry Session kedua adalah projek penyelidikan (job-commissioning) bertajuk "Classification, Grading and Rental Index for Shopping Centres in Malaysia", oleh Dr Zukarnain Zakaria (UTM) dengan Unit Analisis Data NAPIC.

**Focus Group Discussion (FGD) - Research Needs Identification (RNI)**

FGD telah diadakan dengan jayanya pada 9 hingga 11 Julai 2018 bertempat di Klana Beach Resort, Port Dickson. Seramai 67 orang Panel Pakar NAPREC yang terdiri daripada ahli akademik,

pengamal industri, pegawai kanan JPPH, wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan wakil PBT. Ahli-ahli FGD bagi setiap bidang penyelidikan membentangkan hasil perbincangan RNI berkaitan dengan isu, matlamat dan topik-topik yang akan dikaji, berdasarkan cetusan idea dan maklumat yang diperoleh dari maklum balas RNI 2018. Topik-topik yang dipilih telah dicadangkan untuk penyelidikan NAPREC Tahun 2019.

Cadangan topik-topik dari FGD ini turut dinyatakan di dalam iklan permohonan Dana Penyelidikan NAPREC 2019 yang telah dibuka untuk permohonan mulai 31 Oktober 2018 hingga 21 Disember 2018. Pemilihan penerima dana akan dijalankan pada tahun 2019.

**14th NAPREC Conference**

Tahun 2018 juga menyaksikan penganjuran NAPREC Conference kali ke-14 pada 4 September 2018, bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Seminar kali ini membariskan tujuh (7) projek penyelidikan untuk pembentangan. NAPREC Conference pada kali ini mendapat penyertaan seramai 305 orang.

**Berikut adalah senarai projek penyelidikan yang telah dibentangkan semasa NAPREC Conference ke-14:**

| Bil. | Nama Penyelidikan | Tajuk Kajian |
|---|---|---|
| 1. | Asst. Prof. Dr. Syakir Amir Ab. Rahman<br>International Islamic University (UIAM) | An Assessment of Disabled Community Ability to Own Residential Property in Urban Areas of Kuala Lumpur And Selangor |
| 2. | Dr. Mustafa Omar<br>Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | The Development of Property Management Capability Index (PMCI) for Stratified Residential Property |
| 3. | Dr. Azlizan Bin Talib<br>Universiti Utara Malaysia (UUM) | Kajian Ke Atas Tekanan Dan Kawalan Pembangunan Kawasan Penanaman Padi Dan Tanah Simpanan Melayu Negeri Kedah. Implikasi Ke Atas Pembangunan Perumahan Dan Komuniti Petani di Kawasan MADA |
| 4. | Dr Azira Abdul Adzis<br>Universiti Utara Malaysia (UUM) | Housing Demand And Prices, Drivers of Default and Rejection of Housing Loans in Malaysia: A Micro-Level Perspective |
| 5. | Dr Noraini Johari<br>Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM) | Off Campus Student Housing Preferences. Case Study: Negeri Selangor. |
| 6. | Dr Zukarnain Zakaria<br>Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | Classification, grading and Rental Index for Shopping Centers in Malaysia. |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | Assoc. Prof. Dr Srazali Aripin International Islamic University (UIAM) | A Study on The Need for a Comprehensive Guidelines on Design and Planning (Quality & Standard) of Low Cost Housing For Shariah Compliance |

- **PUSAT AKADEMIK**

Pada tahun 2018, Pusat Akademik masih menawarkan tiga (3) program sijil iaitu Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT), Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) secara sepenuh masa serta Sijil Agensi Harta Tanah (CEA) merangkumi dua mod iaitu separuh masa dan sepenuh masa. Antara objektif penting Pusat Akademik bagi program sijil adalah untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti dan serba boleh dalam industri harta tanah meliputi bidang penilaian, pengurusan dan perejenan.

Graduan INSPEN juga berpeluang menyambung pengajian di peringkat diploma di universiti awam iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) manakala bagi universiti swasta pula Geomatika University College dan Imperia Institute of Technology.

Selain itu, mereka juga berpeluang menyambung pengajian di peringkat Ijazah di universiti dalam negara iaitu International University of Malaya-Wales (IUMW) selama 4 tahun. Manakala bagi yang berkemampuan boleh menyambung ijazah di peringkat antarabangsa iaitu Queensland University of Technology (QUT) dan University of Western Sydney (UWS) dengan mendapat pengecualian kredit.

**Pengambilan Dan Pengesanan Graduan (2004 Hingga 2018)**

Pengambilan pelajar bermula 2004 hingga 2018 untuk ketiga-tiga program adalah berjumlah 1,927 orang pelajar. Jumlah pengambilan secara terperinci mengikut sesi dan program adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Jumlah Pengambilan Pelajar Dan Graduan INSPEN**

| Tahun/ Sesi | Jumlah Pengambilan Pelajar Bagi Satu Sesi | | | | Bilangan Yang Sedang Mengikuti Pengajian | | | | Bilangan Graduan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SPHT | SPGT | CEA FT | CEA PT | SPHT | SPGT | CEA FT | CEA PT | SPHT | SPGT | CEA FT | CEA PT |
| 2004/2005 | 29 | - | - | | - | - | - | - | 26 | - | - | |
| 2005/2006 | 29 | - | - | | - | - | - | - | 22 | - | - | |
| 2006/2007 | 50 | - | - | | - | - | - | - | 29 | - | - | |
| 2007/2008 | 54 | - | - | | - | - | - | - | 32 | - | - | |
| 2008/2009 | 39 | 33 | - | | - | - | - | - | 34 | 28 | - | |
| 2009/2010 | 57 | 32 | - | | - | - | - | - | 37 | 31 | - | |
| 2010/2011 | 47 | 28 | - | | - | - | - | - | 36 | 22 | - | |
| 2011/2012 | 82 | 50 | 47 | 50 | - | - | - | - | 69 | 38 | 33 | 42 |
| 2012/2013 | 52 | 23 | 31 | 70 | - | - | - | - | 44 | 17 | 19 | 58 |
| 2013/2014 | 65 | 19 | 48 | 70 | - | - | - | - | 59 | 18 | 21 | 52 |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2014/2015 | 58 | 24 | 27 | 70 | - | - | - | - | 48 | 22 | 13 | 29 |
| 2015/2016 | 45 | 15 | 38 | 70 | - | - | - | - | 39 | 13 | 24 | 75 |
| 2016/2017 | 48 | 24 | 27 | 108 | - | - | - | - | 43 | 18 | 26 | 77 |
| 2017/2018 | 34 | 21 | 32 | 112 | 33 | 21 | 28 | 112 | * | * | * | * |
| 2018/2019 | 25 | 14 | 31 | 99 | 24 | 13 | 28 | 99 | * | * | * | * |
| **Jumlah** | **689** | **269** | **250** | **550** | **74** | **40** | **50** | **205** | **475** | **189** | **117** | **274** |
| | **1758** | | | | **369** | | | | **1032** | | | |
| | | | | | **1401** | | | | | | | |

**Catatan:**

- Pengambilan pelajar program SPHT bermula tahun 2004
- Pengambilan pelajar program SPGT bermula tahun 2008
- Pengambilan pelajar program CEA bermula tahun 2011

* Pelajar masih dalam pengajian

**Majlis Konvokesyen Ke-13**

Majlis Konvokesyen Ke-13 telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Hj. Nordin bin Daharom, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada 14 November 2018 menyaksikan seramai 164 orang graduan berjaya menamatkan pengajian di dalam program SPHT, SPGT dan CEA bagi Sesi Akademik 2015/2016 dan 2016/2017. Bilangan graduan SPHT ialah 43 orang, manakala SPGT 18 orang. Selain itu, seramai 26 graduan (mod sepenuh masa) dan 77 graduan (mod separuh masa) telah dianugerahkan Sijil CEA.

# BAB 11

*Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)*

# CARTA ORGANISASI PUSAT MAKLUMAT HARTA TANAH NEGARA (NAPIC)



Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) ditubuhkan dengan matlamat sebagai pengumpul dan pengedar maklumat harta tanah utama negara. Semenjak 9 September 1999, NAPIC telah beroperasi dari Ibu Pejabat NAPIC di Putrajaya serta 14 cawangan NAPIC Negeri yang disokong 39 cawangan NAPIC Daerah. Lanjutan daripada penstrukturan semula JPPH pada November 2016, NAPIC di cawangan kini dikenali sebagai Unit Informasi Harta (UIH). Sehingga penghujung 2018, terdapat 127 kakitangan daripada kumpulan sokongan di UIH. Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah memainkan peranan dalam memantau kerja-kerja di UIH sebelum ianya dilapor ke Ibu Pejabat NAPIC.

NAPIC memainkan peranan penting dalam memberi input mengenai keadaan semasa pasaran harta tanah kepada pihak kerajaan dan swasta, dalam dan luar negara. Data-data yang diterbitkan oleh NAPIC digunakan dalam pelbagai analisis pasaran dan digunakan sebagai indikator pembangunan negara. Maklumat-maklumat yang disalurkan NAPIC digunakan dalam penetapan polisi dan dasar yang merangkumi bukan sahaja sektor harta tanah tetapi untuk sektor berkaitan seperti kewangan, pembinaan dan perindustrian. Maklumat dari NAPIC digunakan pelbagai pihak dalam menyediakan analisis kepada ekonomi negara yang berhubung kait secara langsung dengan sektor harta tanah.

Isu-isu semasa seperti kenaikan harga rumah dan keadaan pasaran harta tanah serantau meletakkan NAPIC dan JPPH sebagai pembekal maklumat utama harta tanah negara. Ini membawa kepada pelbagai kerjasama dengan lain-lain pihak industri harta tanah dari segi perkongsian maklumat. Pegawai NAPIC terus aktif memberi penjelasan tentang data NAPIC di forum dalaman (di JPPH) dan luaran (luar JPPH). Langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan agensi kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga merujuk kepada data-data NAPIC dalam membuat keputusan.

Tahun 2018 juga menyaksikan pelbagai aktiviti NAPIC telah dijalankan. Antara yang utama ialah Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah dan Taklimat Pasaran Awalan Harta Tanah 2018 dan Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM).

**i) Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah dan Taklimat Pasaran Awalan Harta Tanah 2018**



Tahun 2018 menyaksikan satu lagi penerbitan baru berjaya diterbit dan dilancarkan oleh NAPIC iaitu Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah Separuh Pertama 2018, di mana majlis pelancarannya dibuat bersekali dengan Taklimat Pasaran Awalan Harta Tanah 2018 yang berlangsung pada 11 Oktober 2018 di Dewan Jubli, Institut Penilaian Negara (INSPEN). Majlis pelancarannya dirasmikan oleh Ketua

Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada ketika itu, iaitu YBrs. Sr Hj. Nordin bin Daharom.

Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah Separuh Pertama 2018 ini dibahagikan kepada lima wilayah iaitu Wilayah Tengah, Wilayah Selatan, Wilayah Pantai Timur, Wilayah Utara dan Wilayah Malaysia Timur. Kandungan penerbitan adalah menyamai maklumat yang terkandung di dalam Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2018 tetapi ianya lebih informatif dengan memberikan maklumat tambahan berkenaan pembangunan semasa wilayah-wilayah berkenaan pada separuh pertama tahun kajian.

**ii) Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM)**




Sistem carian Harta Tanah Tidak Terjual (UPSEM) telah dilancarkan pada 17 April 2018 bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Kewangan II.

Dengan pelancaran sistem UPESM ini, ia dapat menambahbaik sistem penyampaian maklumat harta tanah kepada pemain-pemain industri harta tanah. Sistem ini dibuat secara 'online' dan terbahagi kepada tiga kategori iaitu Harta Tanah Tidak Terjual Dalam Pembinaan (Unsold Under Construction), Harta Tanah Tidak Terjual Belum Dibina (Unsold Not Constructed) dan Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual (Overhang).

Selain daripada itu, NAPIC juga mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pihak swasta serta kerajaan dan NAPIC ke arah kerjasama perkongsian maklumat bagi faedah bersama. Antara organisasi yang terlibat adalah Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain.

**MISI**

Kami akan:
1) Sentiasa membekal data harta tanah yang komprehensif, berkualiti dan terkini;
2) Sentiasa mengeluarkan produk yang menepati masa dan relevan kepada keperluan industri harta tanah; dan
3) Sentiasa memberi gambaran yang sebenar tentang permintaan dan penawaran harta tanah supaya pembangunan industri harta tanah di negara ini akan menjadi lebih mantap dan bersepadu.

## VISI

1) Visi NAPIC ialah menjadi sumber utama data yang berkualiti dan menjadi autoriti berkenaan maklumat pasaran harta tanah di Malaysia.
2) Visi ini selaras dengan visi korporat JPPH untuk menjadi sebuah organisasi penilaian dan maklumat terbaik di dunia.

## OBJEKTIF

Kewujudan NAPIC adalah untuk menyediakan maklumat yang tepat, komprehensif dan menepati masa berkaitan dengan permintaan dan penawaran pasaran harta tanah dalam negara kepada agensi kerajaan, para pemaju harta tanah dan semua pihak yang berkaitan dengan industri harta tanah.

## FUNGSI UTAMA NAPIC




## SENARAI PENERBITAN NAPIC




**Laporan Pasaran Harta**
Memberi gambaran permintaan dan penawaran subsektor harta tanah dan bagaimana ianya memberi kesan terhadap aliran harga dan sewa.
Laporan ini diterbitkan dua kali setahun iaitu Laporan Pasaran Harta Separuh Tahun Pertama dan Laporan Pasaran Harta Tahunan.




**Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah**

Laporan ini dibahagikan kepada lima wilayah iaitu Wilayah Tengah, Wilayah Selatan, Wilayah Pantai Timur, Wilayah Utara dan Wilayah Malaysia Timur.

Memberi gambaran permintaan dan penawaran subsektor harta tanah dan bagaimana ianya memberi kesan terhadap aliran harga dan sewa.

Diterbitkan sekali setahun pada separuh pertama iaitu Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah Separuh Tahun Pertama.




**Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia**

Laporan ini meliputi pengukuran prestasi harta tanah kediaman suku tahunan.

Indeks Harga Rumah Malaysia adalah indeks yang berdasarkan transaksi dan bertujuan untuk menganggarkan perubahan harga purata bagi sesuatu tempoh masa.

Pengukuran ini telah diterima pakai secara meluas sebagai petunjuk prestasi utama yang komprehensif.



**Laporan Stok Harta Tanah**

Laporan Stok Harta Tanah menyebarkan maklumat berdasarkan kepada skop berikut:-

i. Stok sedia ada mengikut sektor harta tanah iaitu kediaman, perdagangan, industri dan riadah.

ii. Prestasi harta tanah perdagangan (Pejabat Binaan Khas dan Kompleks Perniagaan) berdasarkan kadar penghunian suku kajian.

iii. Penawaran akan datang yang terdiri daripada data penawaran akan datang, mula pembinaan dan penawaran yang dirancang.




**Laporan Penawaran Pra-Perancangan**

Laporan Penawaran Pra Perancangan ini diterbitkan secara bersama dengan Laporan Stok Harta Tanah suku pertama. Laporan ini memberi maklumat mengenai harta tanah yang memperolehi kelulusan Tukar Syarat, Tukar Kegunaan Tanah, Pecah Sempadan, Penyatuan dan Serah Balik Kurnia Semula.



**Laporan Status Pasaran Harta Tanah**

Merupakan penerbitan yang melaporkan status harta tanah kediaman, kedai dan industri yang tidak terjual selepas sembilan (9) bulan dari tarikh pelancaran dan prestasi jualan bagi harta kediaman.

Pelancaran baru dalam sembilan bulan selepas dilancarkan.

Prestasi kadar kekosongan bagi pejabat binaan khas dan kompleks perniagaan milik persendirian.




**Pindahmilik Harta RM10 Juta**

Laporan ini adalah kompilasi semua transaksi bernilai RM10 juta dan ke atas mengikut negeri.

Ia tidak dibukukan tetapi dimuatnaik ke dalam laman web dua kali setahun




**Pindahmilik Tanah Ladang**

Laporan ini adalah kompilasi transaksi tanah ladang melebihi 100 ekar yang diselenggara oleh satu perbadanan.

Ianya tidak dibukukan tetapi dimuatnaik ke dalam laman web.

Kekerapan dimuatnaik bergantung kepada kecukupan bilangan transaksi pada suatu tempoh tertentu.



**Purpose-Built Office Rental Index**

Laporan ini adalah laporan petunjuk sewa pejabat binaan khas untuk Lembah Klang, Johor Bahru dan Georgetown yang diterbitkan secara suku tahunan.

Diterbitkan bagi memberi satu gambaran indeks sewaan pejabat binaan khas di Lembah Klang, Johor Bahru dan Georgetown dengan fokus utama kepada bangunan gred pelaburan.



**Harga Kediaman Sukuan/ Tahunan Terkini**
Harga Kediaman Sukuan/ Tahunan Terkini menyediakan jadual yang mengandungi analisis asas deskriptif mengenai harga jualan rumah mengikut negeri, daerah dan jenis.
Jadual ini adalah susulan daripada `Jadual Harga Jualan Harta Kediaman', yang kali terakhir diterbitkan dalam Laporan Stok Harta (Kediaman) pada Q4 2014.

## KEKERAPAN PENERBITAN NAPIC

| Penerbitan | Frekuensi | Harga |
|---|---|---|
| • Laporan Pasaran Harta (Separuh Tahun Pertama)<br>• Laporan Pasaran Harta (Tahunan) | Sekali setahun | • Muat turun percuma<br>• RM100 senaskah |
| Laporan Pasaran Harta Mengikut Wilayah Separuh Pertama | Sekali setahun | Muat turun percuma |
| Laporan Stok Harta Tanah | 4 kali setahun | Muat turun percuma |
| Laporan Status Pasaran Harta Tanah Kediaman, Kedai dan Industri | 4 kali setahun | Muat turun percuma |
| Laporan Bangunan Perdagangan: Ruang Boleh Disewa | 4 kali setahun | Muat turun percuma |
| Indeks Harga Rumah Malaysia | 4 kali setahun | Muat turun percuma |
| Pindahmilik Harta RM10 Juta | Sekali setahun | Muat turun percuma |
| Jual Beli Tanah Ladang | Bergantung kepada availabiliti data | Muat turun percuma |
| Jadual Data Transaksi Harta Tanah | 4 kali setahun | Muat turun percuma |
| Penawaran Pra Perancangan | Sekali setahun | Muat turun percuma |
| Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaaan Khas | 2 kali setahun | Muat turun percuma |
| Harga Kediaman Sukuan Terkini | 4 kali setahun | Muat turun percuma |

## AKTIVITI NAPIC

### a) NBOS NAPIC Bersama Jabatan Perumahan Negara, KPKT



- Pengarah NAPIC, Sr Gs Hj Md Badrul Hisham bin Awang diiringi Timbalan Pengarah Bahagian Pasaran Harta, Timbalan Pengarah Bahagian Indeks Harta Tanah dan Timbalan Pengarah Bahagian Inventori telah membuat satu kunjungan hormat ke Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 14 Februari 2018 (Rabu).
- Kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan NBOS bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman pengumpulan data yang akan digunakan secara bersama.

### b) Taklimat Pemantapan Dan Pemantauan Kualiti Data Kepada Penilai Daerah



- Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) Sr. Hjh Dr Zailan binti Mohd Isa bersama Pengarah NAPIC, Sr Gs Hj Md Badrul Hisham bin Awang, Timbalan Pengarah Bahagian Pasaran Harta Tanah, Sr. Pn Aina Edayu binti Ahmad, Timbalan Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah, Sr. En. Khalid bin Abdul Mutalib dan Timbalan Pengarah Bahagian Indeks Harta Tanah, Sr. Pn Rosliza binti Ramli telah mengadakan satu taklimat kepada Penilai Daerah pada 27 Mac 2018 (Selasa) bertempat di INSPEN.
- Taklimat tersebut melibatkan semua Penilai Daerah dan tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberi penerangan dan penjelasan dalam pengisian data VIS yang betul bagi memastikan data yang dikeluarkan NAPIC adalah data yang tepat dan berkualiti serta mengurangkan kesalahan yang lazim dilakukan.

### d) Taklimat Mengenai Perkembangan Terkini Pasaran Harta Tanah Di Malaysia



- Telah berlangsung pada 20 Julai 2018 bertempat di Auditorium Affin Bank, Menara Affin.

- Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Norhisham bin Shafie, Timbalan Pengarah Bahagian Pasaran Harta, NAPIC.

- Taklimat ini telah dihadiri oleh pihak pengurusan atasan Affin Bank Bhd dan Affin Islamic Bank Bhd termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Affin Bank Bhd dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Islamic Bank Bhd berserta kakitangan yang berurusan dengan Pasaran harta tanah di Malaysia.

- Fokus utama taklimat adalah berkaitan perkembangan Pasaran harta tanah kediaman, terutama sekali unit siap dibina tidak terjual (overhang).

### e) 6th Sabah International Surveyors' Congress And 2Nd Land Asean Land Governance Summit




- Telah berlangsung pada 15 - 16 Ogos 2018 bertempat di Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah. Kongres ini telah dianjurkan oleh Royal Institution of Surveyors Malaysia (Sabah Branch).

- Kongres tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Hj. Mohd. Shafie bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah.

- Pengarah NAPIC, Sr Gs Md Badrul Hisham bin Awang telah dijemput menghadiri program tersebut sebagai speaker. Taklimat yang telah diberikan adalah berkaitan Sabah Property Market Review and 2018 Outlook.

### f) Perbincangan Meja Bulat Belanjawan 2019 Selangor



- Telah berlangsung pada 20 Ogos 2018 bertempat di Holiday Inn, Kuala Lumpur Glenmarie. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAB Tuan Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor.

- Tema perbincangan ini adalah Perumahan Mampu Milik: 1 Keluarga 1 Kediaman yang Sempurna.

- NAPIC diwakili oleh Timbalan Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah, En. Khalid bin Abdul Mutalib telah dijemput sebagai panel untuk perbincangan tersebut.

# BAB 12

***Bahagian Teknologi Maklumat***

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- **TADBIR URUS PENGURUSAN ICT**

  - **Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH**

    Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta bermesyuarat sebanyak 3 kali sepanjang tahun 2018, iaitu pada 8 Februari 2018, 3 Mei 2018 dan 6 September 2018. Tujuan JPICT adalah untuk mempertimbangkan kertas cadangan projek ICT di JPPH termasuk INSPEN. Pada tahun 2018 sebanyak 12 kertas cadangan perolehan ICT telah diluluskan oleh JPICT JPPH seperti berikut.

    **Kertas Cadangan Perolehan ICT Oleh Ibu Pejabat JPPH**

    i. Pembangunan Portal Rasmi JPPH
    ii. Penyenggaraan Peralatan Server 2019 di JPPH
    iii. Perkhidmatan Security Posture Acessment (SPA) JPPH
    iv. Perkhidmatan Penyelarasan dan Pemindahan Data Charting Secara Manual
    v. Kajian Semula Dasar Keselamatan ICT JPPH
    vi. Perkhidmatan Penyenggaraan Aplikasi GISPP

    **Kertas Cadangan Oleh INSPEN**

    i. Perkhidmatan Penyenggaraan Berjadual Sistem Maklumat Kehadiran INSPEN
    ii. Pembaharuan Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Perisian Sistem ILMU di INSPEN
    iii. Pembaharuan Kontrak Perkhidmatan Langganan Pangkalan Data Lexis Malaysia Di INSPEN
    iv. Perolehan Peralatan ICT (PC dan Notebook) Secara Sewaan di INSPEN
    v. Pembaharuan Kontrak Langganan Pangkalan Data Emerald Di INSPEN
    vi. Perolehan Mesin Pengimbas (Scanner) Secara Sewaan di INSPEN

  - **Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) JPPH**

    JTICT JPPH pula dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) yang juga selaku CIO (Chief Information Officer) JPPH untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan projek ICT akan dilaksanakan di JPPH.

    Sepanjang tahun 2018, sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan iaitu pada 24 Jan 2018, 19 April 2018, 29 Ogos 2018 dan 13 Dis 2018. Selain daripada membentangkan pelaporan projek ICT yang telah dilaksanakan, mesyuarat ini juga memberi kelulusan teknikal terhadap cadangan pelaksanaan projek ICT JPPH sebelum ianya dibentangkan ke mesyuarat JPICT JPPH.

- **SISTEM UNSOLD PROPERTY ENQUIRY SYSTEM (UPESM)**

  Mulai April 2018, JPPH menyediakan UPESM sebagai platform digital maklumat harta tanah tidak terjual kepada orang awam. Sistem ini menyediakan maklumat lokasi unit harta tanah yang tidak terjual mengikut negeri, majlis tempatan dan jenis harta. Sistem ini diharap dapat membantu pemain industri harta tanah seperti pemaju harta tanah dan kerajaan dalam merancang pembangunan baru bagi mengelakkan lebihan penawaran dipasaran serta membuat keputusan lebih tepat tentang projek atau polisi akan datang.






Sistem boleh diakses melalui URL: **https://www.jpph.gov.my/upesm/login.php**

- **SIMPOSIUM ICT JPPH 2018**

Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah menganjurkan 'Simposium ICT JPPH 2018' pada 23 - 24 Oktober 2018 bertempat di Dewan Nusantara, Institut Penilaian Negara (INSPEN).



Simposium ini merupakan satu program perkongsian ICT yang mengumpulkan semua kakitangan ICT dari Ibu Pejabat, Pejabat-pejabat Cawangan JPPH dan INSPEN bagi menambah pengetahuan dalam teknologi ICT terkini, membincangkan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan program ICT secara menyeluruh disamping mengeratkan lagi hubungan warga ICT pelbagai peringkat. Antara aktiviti yang diadakan adalah sesi ceramah, *technology update* dan perjumpaan bersama CIO dan Pengarah BTM.

- **VALUATION INFORMATION SYSTEM (VIS)**

Sistem VIS merupakan aplikasi utama Jabatan dalam menyokong pemberian perkhidmatan teras utama Jabatan dalam penilaian dan perkhidmatan harta tanah. Sistem ini diguna oleh semua tiga puluh sembilan (39) pejabat JPPH di seluruh negara.

Pada April 2018, Peningkatan VIS Bil. 1/2018 telah dilaksanakan secara *nationwide* di pejabat JPPH seluruh Negara dengan pelaksanaan di peringkat perintis telah dilaksanakan terlebih dahulu di pejabat JPPH yang terpilih iaitu JPPH Shah Alam bagi mendapatkan maklum balas yang menyeluruh berkaitan peningkatan yang telah dibuat kerana melibatkan perubahan yang besar. Antara peningkatan utama yang dilaksanakan adalah:

i. Modul baru - Modul Jualan Maklumat Sewaan Kemudahan menjana surat dan borang bagi maksud nilaian Sewaan/ Pajakan (Kod 24)
ii. Penambahbaikan Surat Iringan Majikan Pinjaman Perumahan
iii. Penambahbaikan Modul Profil Pengguna
iv. Penambahbaikan Modul Jualan Maklumat Sewaan
v. Penambahbaikan Modul Kemasukan Maklumat Sewaan
vi. Penambahbaikan Modul Hapus Rekod Fail Kes
vii. Penambahbaikan Modul Hapus Rekod Lot Berkaitan
viii. Penambahbaikan Laporan Kes VIS Yang Dihapuskan
ix. Penambahbaikan Modul Penyenggaraan Alamat

- **SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN DUTI SETEM**

Sistem Pengurusan Dokumen Duti Setem (SPDDS) telah memasuki tahun kelima pelaksanaannya. Sistem ini bertujuan untuk menyimpan secara maya dokumen bagi maksud nilaian Duti Setem di mana dokumen tersebut diperolehi dari beberapa sumber seperti sistem STAMPS (LHDNM), aplikasi VIS dan aplikasi GIS-PP.
Pada tahun 2018, peningkatan bilangan 1 tahun 2018 telah dilaksanakan bermula November 2018. Peningkatan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Pindaan pada Laporan Pemantauan Kes Bulanan/ Tahunan dengan menambah kriteria carian mengikut pegawai dan tidak mandatori.
ii. Pindaan pada skrin yang melibatkan nama pegawai iaitu skrin carian, skrin kemas kini dan skrin kemas kini rayuan serta skrin kemas kini *bulk purchase*.

- **VALUATION REPORT GENERATOR (VRG)**

Valuation Report Generator (VRG) merupakan salah satu mekanisme penjanaan Maklumat/Laporan Penilaian bagi maksud nilaian Pengambilan Tanah dan Guaman Sivil Ringkas yang telah dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat hasil cetusan idea mantan KPPPH YBrs. Tuan Haji Nordin bin Daharom. BTM telah di arahkan oleh Pengurusan Tertinggi JPPH untuk mengaktifkan semula penggunaan VRG sebagai sebahagian daripada Best Practise yang dapat membantu pejabat JPPH meningkatkan sistem penyampaian bagi memenuhi ekspektasi *stakeholders* dan klien Jabatan. Walaupun penggunaan VRG telah dimulakan seawal tahun 2007 dan telah melalui peningkatan pada tahun 2010 dan 2014, namun penggunaannya masih belum mencapai objektif memendekkan masa penghasilan laporan penilaian dan seterusnya meningkatkan produktiviti.

Pada bulan Ogos, BTM telah melaksanakan pemasangan VRG Versi 2.0 yang telah dipertingkatkan seiring dengan spesifikasi terkini PC yang digunakan oleh pengguna di semua Pejabat JPPH. Melalui peningkatan ini, beberapa isu seperti ketidakstabilan aplikasi, laporan yang tidak boleh dijana dan penambahbaikan laporan telah dapat diatasi dan dipertingkatkan. Melalui penggunaan VRG ini, pengguna dapat menjana laporan dengan format terkini bagi maksud nilaian Pengambilan Tanah dan Guaman Sivil Ringkas dan seterusnya dapat menjimatkan masa serta meningkatkan produktiviti.

- **DATA TERBUKA JPPH**

Pelaksanaan data terbuka di peringkat JPPH telah memasuki tahun kedua sejak memulakannya pada tahun 2017. Pada awal pelaksanaannya, JPPH telah memuatnaik dan berkongsi sebanyak sembilan set data berkaitan harta tanah di portal Data Terbuka Malaysia. Bagi tahun 2018, JPPH yang merupakan agensi di bawah Kementerian Kewangan bersama agensi lain menjadi penyumbang data sebagai memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Data Terbuka Generik Bagi Penilaian Prestasi Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 Tahun 2018. Untuk tujuan itu, bagi tahun 2018 JPPH turut menyumbang 11 lagi set data untuk dikongsi Portal Data Terbuka Malaysia. Data yang telah dimuat naik adalah seperti berikut:

i. Indeks Harga Semua Rumah Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
ii. Harga Semua Rumah Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
iii. Indeks Harga Rumah Teres Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
iv. Harga Rumah Teres Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
v. Harga Rumah Teres Mengikut Daerah/Wilayah/Negeri Bermula 2016
vi. Indeks Harga Unit Bertingkat Tinggi Mengikut Negeri Bermula 2016
vii. Harga Unit Bertingkat Tinggi Mengikut Negeri Bermula 2016
viii. Indeks Harga Rumah Berkembar Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
ix. Harga Rumah Berkembar Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
x. Indeks Harga Rumah Sesebuah Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)
xi. Harga Rumah Sesebuah Mengikut Negeri Bermula 2009 (Based Year 2000)

- **SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN (SPD) - HARTA PUSAKA KECIL**

Harta Pusaka Kecil merupakan salah satu maksud nilaian yang dikendalikan oleh JPPH atas permohonan dari Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKTPG) seluruh Malaysia. Bagi membantu proses penyimpanan dokumen yang diperolehi dari PTG melalui sistem eTaPP iaitu sistem permohonan penilaian Harta Pusaka Kecil, maka BTM telah menambahbaik Sistem Pengurusan Dokumen Perakauanan Akruan bagi membolehkan sistem ini menerima dua jenis maksud nilaian iaitu Perakaunan Akruan dan Harta Pusaka Kecil.

Pelaksanaan SPD-HPK secara perintis telah di laksanakan bersama-sama sistem eTaPP bermula Oktober 2018 di empat pejabat JPPH iaitu JPPH Sepang, JPPH Bandar Baru Bangi, JPPH Ipoh dan JPPH Teluk Intan. Melalui pelaksanaan perintis ini, semua dokumen maya bagi maksud nilaian Harta Pusaka Kecil yang dimuat turun dari sistem eTaPP dapat disimpan dalam SPD-HPK.

- **SISTEM PEMANTAUAN KES RUJUKAN MAHKAMAH (SPKRM)**

Sistem ini yang bertujuan untuk memantau kes yang dirujuk ke mahkamah oleh Pejabat Penilaian Negeri (PPN) telah dilaksanakan peningkatan Bil. 1/2018 bermula Disember. Antara peningkatan yang dilaksanakan adalah:

i. Pemakaian logo baru JPPH menggantikan logo sedia ada
ii. Pertukaran frasa ‘Saya yang menurut perintah’ kepada ‘Saya yang menjalankan amanah’
iii. Penambahbaikan penjanaan surat peringatan, cc kepada PPN dan Pengarah BPPM bagi peringatan ke-3 dan ke atas
iv. Penambahbaikan isi kandungan emel penjanaan surat pemberitahuan dan salinan surat pemberitahuan kepada Pegawai Atasan bagi Pegawai Penilai
v. Penambahbaikan isi kandungan emel penjanaan surat pemberitahuan dan salinan surat pemberitahuan kepada Pegawai Atasan bagi Pegawai Pengganti

# BAB 13

*Bahagian Khidmat Pengurusan*

## Pembangunan Sumber Manusia

- **Dasar Dalaman Tahun 2018**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan arahan Penangguhan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam berkuat kuasa pada 29 Februari 2016. Ini bermakna pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (PP 6/2005) adalah ditangguhkan.

Selaras dengan arahan tersebut, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (KPPPH) telah bersetuju supaya:

a. Semua pegawai JPPH perlu menghadiri sekurang-kurangnya satu kursus/sesi latihan/seminar anjuran INSPEN/ Institut Latihan Awam (ILA)/Agensi Kerajaan (tanpa mengira bilangan minima hari kehadiran).

b. Selain daripada kehadiran kursus sekali setahun, semua Pegawai Penilaian yang berdaftar dengan LPPEH boleh menghadiri program CPD dengan jumlah jam kredit tidak lebih daripada 10 jam. Sekiranya kursus sekali setahun yang telah dihadiri tersebut mendapat jam kredit 10 jam, maka tiada lagi keperluan pegawai tersebut untuk menghadiri program CPD.

c. Bagi tujuan penjimatan dan perbelanjaan secara berhemah, pegawai yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia tidak dibenarkan memohon kursus di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya bagi pegawai Sabah dan Sarawak. Pengecualian hanya boleh diberikan bagi perkara seperti berikut:

    i. Mengikuti kursus yang ditawarkan di INSPEN bagi pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak;

    ii. Kursus tawaran terus daripada INSPEN/ Institut Latihan Awam (ILA)/ Agensi Kerajaan;

    iii. Kursus berkaitan dengan bidang tugas yang tidak ditawarkan di sekitar Semenanjung Malaysia bagi pegawai yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dan sebaliknya bagi pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak;

**Jadual 1: Dasar Latihan Sumber Manusia JPPH 2018**

| Gred Jawatan | Jumlah Pegawai | Kehadiran Kursus | | Pencapaian 1 hari dan lebih (%) | Bilangan menghadiri kursus | Pencapaian 1 kursus dan lebih (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tidak hadir kursus | 1 atau lebih hari | | | |
| Pengurusan & Profesional (JUSA) | 7 | 0 | 7 | 100% | 7 | 100% |
| Pengurusan & Profesional (Gred 41 dan ke atas) | 290 | 0 | 290 | 100% | 290 | 100% |
| Pelaksana (Gred 40 - 17) | 1352 | 2 | 1350 | 99% | 1350 | 99% |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pelaksana (Gred 16 - 1) | 191 | 1 | 190 | 99% | 190 | 99% |
| **JUMLAH** | **1840** | **3** | **1837** | **99%** | **1837** | **99%** |

- **Latihan Dalam Perkhidmatan**

Pada tahun 2018, seramai empat (4) orang pegawai sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) manakala lima belas (15) orang pegawai mengikuti pengajian di peringkat Sarjana. Bilangan pegawai yang tamat pengajian pada tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti Jadual 2 seperti berikut:

**Jadual 2: Latihan Dalam Perkhidmatan**

| Jenis pengajian | 2014 | 2015 | 2016 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tamat Pengajian | Tamat Pengajian | Tamat Pengajian | Tamat Pengajian | Tamat Pengajian | Tamat Pengajian |
| PhD | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 |
| Sarjana | 3 | 1 | 1 | 4 | 4 | 15 |
| Diploma Lepasan Ijazah | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |

**Persidangan/ Kursus/ Lawatan Kerja/ Latihan/ Mesyuarat/ Seminar Luar Negara**



Pada tahun 2018, JPPH telah diberi peruntukan sebanyak RM100,000 untuk menghantar pegawai-pegawai menghadiri program luar negara. Bilangan Persidangan/ Kursus/ Lawatan Kerja/ Latihan/ Mesyuarat/ Seminar Luar Negara yang dihadiri oleh pegawai JPPH dalam tempoh tiga (3) tahun adalah seperti carta di bawah:
Berikut adalah senarai nama pegawai-pegawai dan program yang terlibat:

| Bil. | Nama Pegawai | Program |
|---|---|---|
| 1. | Sr Haji Nordin bin Daharom | High Level Meeting antara JPPH dengan DGSAM pada 13 - 14 Mac 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 2. | Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim | High Level Meeting antara JPPH dengan DGSAM pada 13 - 14 Mac 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 3. | Sr Haji Basharudin bin Mohd Basir | Technical Disscussion on Human Resources & Career Development pada 12 - 14 Mac 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 4. | Dr. Rohana binti Abd Rahman | Joint Research Program pada 12 - 14 Mac 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 5. | Norhayati binti Awang | Advanced Business Valuation Training Course pada 3 - 4 April 2018 di London, United Kingdom. |
| 6. | Muhammad Rosizhar bin Abdul Rahim | Advanced Business Valuation Training Course pada 3 - 4 April 2018 di London, United Kingdom. |
| 7. | Faziazam bin Kasim | Menjalankan kerja mengemaskini nilaian ke atas Bangunan Konsulat Jeneral Malaysia pada 14 - 16 Mac 2018 di Hong Kong. |
| 8. | Zulkefli bin Abd Rahman | COBRA 2018 Conference (RICS) pada 23 - 24 April 2018 di London, United Kingdom. |
| 9. | Tee Siew Bee | MAPPI-RICS Valuation and Investment Conference pada 8 Mei 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 10. | Tan Eng Peik | Land Taxation and Valuation pada 27 April 2018 - 25 Mei 2018 di Taipei, Taiwan. |
| 11. | Lee Tong Bian | Celebration for the ICLPST 50th Anniversary pada 24 - 27 Mei 2018 di Taipei, Taiwan. |
| 12. | Mohd Rizal bin Mawi | European Real Estate Society (ERES) 25th Annual Conference pada 27 - 30 Jun 2018 di Reading, United Kingdom. |
| 13. | Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim | PNGIVLA 2018 Conference pada 26 - 29 Jun 2018 di Port Moresby, Papua New Guinea. |
| 14. | Sr Haji A’zmi bin Abdul Latif | PNGIVLA 2018 Conference pada 26 - 29 Jun 2018 di Port Moresby, Papua New Guinea. |
| 15. | Norliza binti Nordin | Geothermal Valuation Training pada 6 - 10 Ogos 2018 di Cimahi, Jawa Timur, Indonesia. |
| 16. | Ruzita binti Abdullah | Geothermal Valuation Training pada 6 - 10 Ogos 2018 di Cimahi, Jawa Timur, Indonesia. |
| 17. | Musa bin Mohamed | Fundamentals of the Valuation of Complex Properties No. 3 pada 12 - 15 Ogos 2018 di Bangkok, Thailand. |

| | | |
|---|---|---|
| 18. | Noraslinda binti Abdul Raub | Fundamentals of the Valuation of Complex Properties No. 3 pada 12 - 15 Ogos 2018 di Bangkok, Thailand. |
| 19. | Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif | 21th Asean Valuers Association Congress pada 24 - 26 September 2018, Yogyakarta, Indonesia. |
| 20. | Sr Abdul Razak bin Yusak | 21th Asean Valuers Association Congress pada 24 - 26 September 2018, Yogyakarta, Indonesia. |
| 21. | Sr Gs Md Badrul Hisham bin Awang | 21th Asean Valuers Association Congress pada 24 - 26 September 2018, Yogyakarta, Indonesia. |
| 22. | Rosliza binti Ramli | Business Valuation Training pada 24 September 2018 - 05 Oktober 2018 di Tangerang Selatan, Jakarta, Indonesia. |
| 23. | Maznah binti Ngah | Business Valuation Training pada 24 September 2018 - 05 Oktober 2018 di Tangerang Selatan, Jakarta, Indonesia. |
| 24. | Alisah binti Kassim | Analytics Experience Conference 2018 pada 22 - 24 Oktober 2018 di Milan, Italy. |
| 25. | Wan Jasrini binti Wan Abbas | Analytics Experience Conference 2018 pada 22 - 24 Oktober 2018 di Milan, Italy. |
| 26. | Norsaidatina binti Mohamad Said | E-Learning Attachment Programme pada 5 - 9 November 2018 di Jakarta, Indonesia. |
| 27. | Farah binti Mat Nazri | E-Learning Attachment Programme pada 5 - 9 November 2018 di Jakarta, Indonesia. |

JPPH telah memberi perkhidmatan perundingan luar negara kepada Saudi Authority for Accredited Valuers (TAQEEM) semenjak tahun 2015. Pada tahun 2018 pegawai yang terlibat dengan Program Saudi Authority for Accredited Valuers (TAQEEM) adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama Pegawai | Tarikh/ Tempat |
|---|---|---|
| 1. | Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim | 24 - 27 Disember 2017/ Riyadh, Arab Saudi |

- **Peperiksaan Jabatan**

Pada tahun 2018, Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, Pembantu Penilaian Gred W19 dan Peperiksaan Khas Pembantu Penilaian Gred W19 Untuk Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 telah diadakan pada tarikh berikut:

i. 21 Mei hingga 24 Mei 2018
ii. 8 Oktober hingga 10 Oktober 2018

Bilangan calon yang menduduki peperiksaan perkhidmatan Jabatan dalam tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

| Tarikh Peperiksaan | Bilangan Calon Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Peperiksaan | Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 | | Pembantu Penilaian Gred W19 | | | Khas Pembantu Penilaian Gred W19 Untuk Kenaikkan Pangkat Ke Jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 | | | | |
| | PPP/ PN | PPP/ PC | PP/ PN I | PP/ TB I | PP/ PR I | PPK/ PN II | PPK/ PCI | PPK/ TB II | PPK/ PT I | PPK/ PR II |
| Mei 2015 | 61 | 46 | 60 | 83 | 40 | 96 | 89 | 71 | 40 | 86 |
| Oktober 2015 | 48 | 37 | 42 | 27 | 31 | | | | | |
| Mei 2016 | 26 | 9 | 56 | 35 | 41 | 90 | 84 | 66 | 34 | 86 |
| Oktober 2016 | 28 | 17 | 26 | 25 | 25 | | | | | |
| Mei 2017 | 22 | 11 | 21 | 19 | 29 | 40 | 33 | 25 | 25 | 22 |
| Oktober 2017 | 25 | 12 | 11 | 13 | 9 | | | | | |
| Mei 2018 | 26 | 11 | 36 | 39 | 32 | 90 | 83 | 66 | 58 | 47 |
| Oktober 2018 | 21 | 13 | 48 | 33 | 32 | | | | | |

* **Petunjuk:**

| | |
|---|---|
| PPP / PN | Penolong Pegawai Penilaian / Penilaian |
| PPP / PC | Penolong Pegawai Penilaian / Perundangan & Percukaian Harta Tanah |
| PP / PN I | Pembantu Penilaian / Penilaian I |
| PP / TB I | Pembantu Penilaian / Teknologi Bangunan I |
| PP / PR I | Pembantu Penilaian / Projek Penilaian I |
| PPK / PN II | Peperiksaan Perkhidmatan Khas / Penilaian II |
| PPK / PC I | Peperiksaan Perkhidmatan Khas / Perundangan & Percukaian Harta Tanah I |
| PPK / TB II | Peperiksaan Perkhidmatan Khas / Teknologi Bangunan II |
| PPK / PT I | Peperiksaan Perkhidmatan Khas / Pengambilan Tanah & Pampasan I |
| PPK / PR II | Peperiksaan Perkhidmatan Khas / Projek Penilaian II |

- **Urusan Pengambilan dan Pelantikan Pegawai**

Urusan pelantikan dan pengambilan kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Jawatan | Gred Jawatan | Bil. Pengambilan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Penilaian | W41 | 44 |
| 2. | Pembantu Penilaian | W19 | 25 |
| 3. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | N19 | 11 |
| 4. | Pegawai Khidmat Pelanggan | N19 | 1 |
| 5. | Pembantu Penerbitan | N19 | 1 |
| 6. | Pembantu Operasi | N11 | 11 |
| | **Jumlah** | | **93** |

- **Penerima Penganugerahan Bintang dan Pingat Kebesaran**

Pada tahun 2018, beberapa pegawai telah menerima anugerah pingat kebesaran sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong/ Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Sultan/ Yang Di-Pertuan Besar Negeri dan Yang Dipertuan Negeri seperti berikut:



**Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif**
**Pengarah INSPEN (JUSA C)**
**Darjah Seri Sirajuddin (S.S.P.) Perlis 2018**
**Pada 17 Julai 2018**



**Puan Rosliza binti Ramli**
**Timbalan Pengarah NAPIC (W52)**
**Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N.) Pulau Pinang 2018**
**Pada 17 Julai 2018**



**Encik Che Rusli bin Mat Arop**
**Penilai Daerah (W52)**
**Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N.) Pulau Pinang 2018**
**Pada 17 Julai 2018**



**Encik Sharudin bin Ahmad**
**Pembantu Penilaian (W22)**
**Pingat Jasa Masyarakat (P.I.M.) Pulau Pinang 2018**
**Pada 17 Julai 2018**

# BAB 14

*Unit Komunikasi Korporat*

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- **PENYEDIAAN KERTAS KERJA/ LAPORAN**

  Pada tahun 2018, beberapa kertas kerja/ makluman dan laporan telah disediakan dan dibentangkan semasa mesyuarat/ persidangan Jabatan. Antara kertas kerja/ makluman yang telah disediakan ialah:
  - Laporan Prestasi Pencapaian JPPH
  - Kertas Makluman Mengenai Pelaporan Aduan, Hari Bertemu Pelanggan dan Perkhidmatan Kaunter
  - Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran JPPH

- **PEMANTAUAN AKTIVITI TERAS JABATAN**

  Satu daripada tugas utama UKK ialah untuk memantau prestasi pejabat JPPH dalam pencapaian Sasaran Kerja Tahunan dan kepatuhan kepada Piagam Pelanggan JPPH seperti berikut:
  - Laporan Salin Data VIS
  - Laporan Bulanan Beban Kerja Pejabat
  - Laporan Beban Kerja Pegawai Teknikal
  - Laporan Klasifikasi Kes

- **PENERANGAN**

  Menyediakan dan mengemaskini maklumat korporat Jabatan serta bahan penerangan seperti brosur, video korporat, teks ucapan, persembahan slide dan artikel bagi akhbar dalam aktiviti berikut:

  - Pameran Peranan dan Fungsi JPPH
  - Hari Bersama Pelanggan
  - Risalah Peranan dan Fungsi JPPH
  - Mengemaskini Maklumat Korporat Jabatan untuk Taklimat kepada Tetamu/ Pelawat
  - Mengemaskini Maklumat Jabatan di dalam Laman Web JPPH
  - Memberi perkhidmatan berkaitan dengan Perhubungan dan Pengaduan Awam
  - Taklimat Pengenalan Organisasi JPPH kepada Peserta Kursus Induksi, Program Transformasi Minda dan MTCP

- **PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH**

  - **Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-75**
    Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-75 telah diadakan pada 25 hingga 28 Jun 2018 di INSPEN. Beberapa laporan dan kertas kerja dari Ibu Pejabat, INSPEN dan NAPIC serta kertas kerja/ makluman daripada ahli mesyuarat lain turut dibentangkan.

  - **Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-76**
    Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-76 telah diadakan di INSPEN pada 29 November hingga 3 Disember 2018. Ianya dipengerusikan oleh Tn Hj Nordin bin Daharom, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang dihadiri oleh Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC, Penilai Daerah dan Pegawai Kader dari Jabatan Isolvensi Malaysia.

Kertas kerja dan kertas makluman daripada Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat,Unit VIS Baru, Unit Integriti dan Pengauditan dan Unit Komunikasi Korporat, INSPEN dan NAPIC telah dibentangkan sepanjang persidangan tersebut.

- **MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI**

Pada tahun 2018, sebanyak sembilan (9) Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri telah diadakan. Perkara yang dipantau di dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Kes Belum Siap Bagi Maksud Nilaian Yang Melibatkan Pembangunan Negara
- Prestasi Perlaksanaan GISPP
- Prestasi Perlaksanaan SPDDS
- Prestasi Pendaftaran Kes DS Tidak Perlu Nilaian JPPH
- Kes Rujukan Mahkamah
- Penilaian Perakaunan Akruan
- Prestasi Pengurusan Kewangan
- Tunggakan Hasil
- Prestasi Pembayaran Bil
- ePerolehan
- Latihan
- Penyelidikan

- **PERHIMPUNAN PAGI DI IBU PEJABAT JPPH**

Perhimpunan pagi di Ibu Pejabat JPPH diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Pada tahun 2018, sebanyak sepuluh kali perhimpunan pagi telah diadakan. Amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah diminitkan dan perhimpunan pagi telah dirakam untuk dimuat naik ke dalam portal myJPPH agar ia boleh dilayari/ ditonton oleh semua pegawai dan staf Jabatan.

- **PENGURUSAN MAJLIS**

Antara majlis yang dikelolakan oleh Unit Komunikasi Korporat pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- **Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2017 dan Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM)**
  Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2017 dan Sistem carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM) telah diadakan pada 17 April 2018 (Selasa) bertempat di Dewan Jubli, INSPEN dan ianya telah dirasmikan oleh YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Kewangan II.

- **Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dan Majlis Jasamu Dikenang**
  Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dan Jasamu Dikenang telah diadakan pada 27 Mac 2018 (Selasa) bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Majlis ini diadakan bagi meraikan Penerima APC yang terdiri daripada 21 orang dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 131 orang dari kumpulan sokongan serta 68 orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

- **Majlis Anugerah Inovasi Jabatan 2018**
  Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi JPPH 2018 telah diadakan pada 29 November 2018 bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Ianya bertujuan bagi memberi pengiktirafan terhadap usaha pembaharuan serta penambahbaikan sistem penyampaian yang berasaskan inovasi dan kreativiti. Objektif anugerah ini adalah memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan yang mana pengadilan akan dibuat bagi semua pejabat JPPH yang menyertainya.

  Penerima anugerah inovasi adalah seperti yang berikut:

**Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

| | |
|---|---|
| PEMENANG | Kumpulan Pembangunan Sistem UPESM |

**Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**
**- Peringkat Pejabat Pengarah Penilaian Negeri**

| JOHAN | NAIB JOHAN | TEMPAT KETIGA |
|---|---|---|
| JPPH Johor | JPPH Melaka | JPPH Pulau Pinang |

**- Peringkat Pejabat Penilai Daerah**

| JOHAN | NAIB JOHAN | TEMPAT KETIGA |
|---|---|---|
| JPPH Ipoh | JPPH Seberang Perai | JPPH Muar |

**Anugerah INOVASI**

| JOHAN | NAIB JOHAN | TEMPAT KETIGA |
|---|---|---|
| JPPH Kuala Terengganu | JPPH Selangor | JPPH Bandar Baru Bangi |

**Anugerah Pengarah INSPEN**

| | |
|---|---|
| PEMENANG | JPPH Bandar Baru Bangi |

- **Majlis Sambutan Hari JPPH Ke 61**

  Majlis sambutan ulang tahun JPPH ke 61 yang bertemakan Kerja Keras, Kerja Cerdas, Kerja Ikhlas, JPPH 1st Class telah diadakan pada 1 Jun 2018 bertempat di Dewan Nusantara, INSPEN. Perasmian telah dibuat oleh YBrs. Sr Hj. Nordin bin Daharom, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

- **Majlis Sambutan Hari Inovasi**

  Majlis Sambutan Hari Inovasi JPPH dan Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (HBKIK) telah diadakan pada 30 hingga 31 Oktober 2018 bertempat di Dewan Nusantara, INSPEN. Konvensyen HBKIK ini adalah pertama kali diadakan setelah ianya dijenamakan semula pada tahun 2017. Sebanyak 11 pasukan telah mengambil bahagian yang mewakili pejabat JPPH masing-masing.

Pemenang Anugerah HBKIK adalah seperti yang berikut:

**Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (HBKIK)**

| | |
|---|---|
| Johan | V-SOLUTION (JPPH Teluk Intan) |
| Naib Johan | K.I.T.A (JPPH Kedah) |
| Tempat Ketiga | KARISMA (JPPH Batu Pahat) |
| Persembahan Terbaik | PROPER-T (JPPH Melaka) |
| Dokumentasi Terbaik | KARISMA (JPPH Batu Pahat) |

- **PENERBITAN**

  - **Laporan Tahunan JPPH 2017**




  - **Pengurusan Kunjungan/ Lawatan Tetamu/ Delegasi Dari Dalam dan Luar Negara.**

JPPH sering menerima kunjungan tetamu/ pelawat daripada delegasi luar negara dan agensi tempatan melalui program lawatan sambil belajar, amalan terbaik (best practice) dan standard perkhidmatan penilaian sering dijadikan penanda aras di samping menambah jaringan dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama. Pada tahun 2018, beberapa delegasi dari dalam dan luar negara telah membuat lawatan ke JPPH seperti di Jadual 16 - 1, dan 16 - 2:

1) Kementerian Ekonomi dan Kewangan Kemboja




2) Pengarah Firma Penilai CBRE/ WTW




3) Jabatan Ukur Pemetaan Malaysia (JUPEM)




4) MTCP




5) Korea Appraisal Board



**Jadual 14 - 1: Pelawat Ke Ibu Pejabat JPPH**

| Bil. | Tarikh | Lawatan/ Delegasi | Negara |
|---|---|---|---|
| 1. | 29 Januari 2018 | Lawatan Kerja Kementerian Ekonomi Dan Kewangan Kemboja | Kemboja |
| 2. | 7 Jun 2018 | Royal Institution Of Chartered Surveyors (RICS) dan Business Valuers Association Malaysia (BVAM) | Malaysia |
| 3. | 12 Jun 2018 | Petroleum Nasional Berhad | Malaysia |
| 4. | 21 Jun 2018 | Pengarah Firma Penilai CBRE/ WTW | Malaysia |
| 5. | 17 Julai 2018 | Jabatan Ukur Pemetaan Malaysia (JUPEM) | Malaysia |
| 6. | 13 Julai 2018 | Lawatan Malaysia Technical Corporation Programme (MTCP) | Indonesia, Brunei, Sri Lanka, Timor Leste, Filipina dan Uzberkistan |
| 7. | 9 Ogos 2018 | Exco Perumahan Dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor | Malaysia |
| 8. | 30 Ogos 2018 | KOREA APPRAISAL Board | Korea |
| 9. | 4 Oktober 2018 | DGSAM | Malaysia |
| 10. | 25 Oktober 2018 | Lawatan Pelajar UiTM Seri Iskandar | Malaysia |

**Jadual 14 - 2: Pelawat Ke INSPEN**

| Bil. | Tarikh | Lawatan/ Delegasi | Organisasi/ Negara |
|---|---|---|---|
| 1. | 29 Jan. 2018 | Mr Nong Piseth | Director, Real Estate Business & Pawnshop Department, Ministry of Economy & Finance, Cambodia |
| 2. | 7 Feb. 2018 | Puan Norzahida binti Mohamed | Pensyarah Pengurusan Hartanah, Jabatan Pengurusan Hartanah, Kolej Antarabangsa Unifield |
| 3. | 15 Feb. 2018 | Eng. Sultan Aljorais | Director General of TAQEEM |
| 4. | 24 April 2018 | YBhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir | Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan Malaysia |
| 5. | Julai 2018 | Lawatan Malaysia Technical Corporation Programme (MTCP) | Indonesia, Brunei, Sri Lanka, Timor Leste, Filipina dan Uzberkistan |
| 6. | 14 Nov. 2018 | Dr. Maziah binti Mohammad | Pengarah, Bahagian Kompetensi, Pensijilan & Akreditasi Kejuruteraan CREaTE, Jabatan Kerja Raya |

- **PENGURUSAN MAKLUMAT PELANGGAN**

  - **Penyediaan Maklumat dan Perkhidmatan Secara *Online***

    - Dengan menggunakan Laman sesawang, pelanggan boleh membuat semakan status penilaian kes Duti Setem, Pinjaman Perumahan dan Tukar Syarat.
    - Muat turun borang NAPIC.

  - **Pengurusan Maklumat Pelanggan**
    - Mengumpul maklumat mengenai kehendak dan kepuasan pelanggan yang diterima melalui Laman Web Jabatan, surat, peti cadangan dan laporan media.

  - **Pengurusan Media**

    - Menjalinkan hubungan yang mantap.
    - Pada tahun 2018, liputan akhbar adalah berkaitan Majlis Pelancaran Daftar Pengurus Harta, Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2017 dan Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual (UPESM).
    - Temubual bersama Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan harta di Stesen Radio BFM.
    - Wawancara diadakan bagi memberi pengetahuan am mengenai fungsi dan peranan JPPH.

**Jadual 14 - 3 : Senarai Liputan Akhbar/ Wawancara 2018**

| LIPUTAN AKHBAR/ WAWANCARA | TARIKH |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| Daftar Pengurus Harta Dilancar | 12 Januari 2018 |
| Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) atau RPGT | 24 November 2018 |
| Kementerian Selaras Semua Agensi Perumahan Kerajaan | 28 November 2018 |
| Apa Itu Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta? | 1 Disember 2018 |
| Pasaran Hartanah Dijangka Suram 2019 | 29 Disember 2018 |
| **The Star** | |
| Yearly Demand For New Homes Exceeds Supply | 23 Januari 2018 |
| Higher Overhang | 24 Diember 2018 |

- **PENGURUSAN MAKLUMAT PELANGGAN**

  - **Pelanggan Dalaman (2 tahun sekali)**

Ibu Pejabat JPPH merupakan pusat pengurusan kewangan, pentadbiran, perkhidmatan dan teknikal kepada kesemua pejabat JPPH yang menjadi pelanggannya. Tujuan kajian ialah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan oleh Ibu Pejabat dan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

- **Pelanggan Luaran (setahun sekali)**

  Kajian Kepuasan Pelanggan bagi pelanggan luaran adalah penting untuk melihat sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JPPH dan kelemahan serta kekurangan dapat dikenalpasti untuk menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Memandangkan keperluan pelanggan adalah semakin meningkat, Ibu Pejabat telah mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan melalui beberapa saluran seperti edaran Borang Aduan/ Pertanyaan/ Maklum Balas/ Cadangan, Laman Web Jabatan, peti cadangan dan saluran lain supaya maklum balas dan jawapan sentiasa diterima dan dikaji untuk diberi penambahbaikan.

- **Hari Bertemu Pelanggan**

  Hari Bertemu Pelanggan membolehkan pihak JPPH mendengar aduan dan menyelesaikan masalah pelanggan selaras dengan dasar mesra rakyat kerajaan. Pada hari berkenaan, di samping mengadakan pameran mengenai perkhidmatan JPPH, pelanggan juga dapat memperoleh perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat daripada pegawai dan staf Jabatan.

  Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan pada 22 Mac 2018 bersempena Hari Terbuka Kementerian Kewangan Malaysia.

# BAB 15

## *Unit Integriti dan Pengauditan*

## UNIT INTEGRITI DAN PENGAUDITAN

Unit Integriti dan Pengauditan (UIP) bertanggungjawab melaksanakan pengukuhan integriti dan melaksanakan pengauditan yang meliputi aspek teknikal, pengurusan kewangan dan tadbir urus melalui pendekatan yang sistematik dan berdisplin untuk menilai dan menambahbaik keberkesanan semua proses kawalan, tadbir urus dan pengurusan risiko, di samping membendung salah laku, penyelewengan dan penipuan serta pelanggaran tatakelakuan dalam proses kerja yang boleh menggugat integriti dan imej Jabatan.

Sepanjang tahun 2018, UIP memberi tumpuan kepada bidang-bidang berikut:

- Pengauditan di cawangan JPPH yang meliputi:
    - Audit Teknikal
    - Unit Informasi Harta Tanah
    - Audit Sistem Penyampaian
    - Penyelenggaraan Data GISPP
    - Pembatalan Kes Dalam Valuation Information System
    - Keselamatan Data bagi semua sistem dalaman JPPH iaitu VIS, GISPP, SPPDS dan SPPDA
    - Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus
    - Kes Rujukan Mahkamah
    - Audit Online
    - Audit Mengejut
- Pengurusan Tatatertib
- Pengurusan Aduan dan Pertanyaan
- Bengkel Audit Teknikal
- Program Integriti

Pencapaian dan penemuan bagi setiap bidang pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- **PENGAUDITAN BERJADUAL DI JPPH CAWANGAN**

  Senarai Cawangan yang telah dilawati sepanjang tahun 2018

  **Jadual 15.1**
  **Cawangan dan Tarikh Pengauditan Dilaksanakan**

| Bil. | Cawangan | Bulan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Kota Kinabalu, Sabah | Januari | 23 - 26 Januari 2018 |
| 2. | Kuala Terengganu, Terengganu | Mac | 5 Mac - 8 Mac 2018 |
| 3. | Sepang, Selangor | Mei | 21 - 24 Mei 2018 |
| 4. | Melaka | Julai | 17 - 20 Julai 2018 |
| 5. | Kuantan, Pahang | Ogos | 31 Julai - 3 Ogos 2018 |
| 6. | Ipoh, Perak | September | 4 - 7 September 2018 |
| 7. | Seremban, Negeri Sembilan | Oktober | 9 - 12 Oktober 2018 |









**Jadual 15.2**
**Ketakakuran Audit Teknikal**

| Bil. | Proses Penilaian | Jumlah Ketakakuran |
|---|---|---|
| 1. | Pendaftaran Kes | 129 |
| 2. | Maklumat Harta/Pengumpulan Data | 8 |
| 3. | Kerja Pelan | 90 |
| 4. | Penentuan Nilaian | 71 |
| 5. | Kaedah Nilaian | 44 |
| 6. | Laporan Penilaian | 5 |
| 7. | Kelulusan Nilaian | 11 |
| 8. | Melapor Nilaian | 58 |
| 9. | VIS | 36 |
| 10. | Lain-Lain Semakan | 13 |

**Jadual 15.3**
**Ketakakuran Audit INFORMASI HARTA TANAH**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Data *expired project* dalam PRISM tidak dikemaskini dan tidak dilawatperiksa |
| 2. | *Master List* dan Fail Kawalan tidak mengikut Arahan Buku Merah |
| 3. | *Survey Form Pending* : Tiada tindakan ke atas borang yang telah dihantar kepada pemaju |
| 4. | Tiada tindakan susulan ke atas pembekal data yang tidak memberi maklum balas |

**Carta 1.1**
**Maklumat Bilangan Fail Kes Akur dan Tidak Akur**




**Jadual 15.4**
**Ketakakuran Sistem Penyampaian**

| Bil. | Ketakakuran | Jumlah Ketakakuran |
|---|---|---|
| 1. | Rekod tarikh penerimaan permohonan didaftar dalam VIS tidak sama dengan tarikh terima sebenar atau LHDN Upload (bagi STAMPS) | 194 |
| 2. | Pendaftaran permohonan nilaian dan/ atau pembukaan fail dibuat melebihi tempoh 2 hari dari tarikh penerimaan permohonan | 109 |
| 3. | Kes siap mengikut tempoh hanya dalam rekod vis sahaja tetapi sebenarnya lebih lama dan melebihi tempoh masa (SKT) ditetapkan | 180 |
| 4. | Kes siap melebihi tempoh masa SKT ditetapkan | 6 |
| 5. | Kes disiapkan melebihi tempoh SKT dalam rekod VIS, sebenarnya lebih lewat lagi | 2 |
| 6. | Surat Melapor/ Laporan Nilaian Dilapor/ Dihantar Kepada Pelanggan melebihi 24 jam selepas kes diklik siap atau selepas diluluskan PPN/ Ibu Pejabat | 150 |

**Jadual 15.5**
**Pembatalan Kes**

| Cawangan | Jumlah Pembatalan (Kesilapan Semasa Pendaftaran) | Peratusan (Kesilapan Semasa Pendaftaran) | Jumlah Pembatan Tidak mengikut Pekeliling | Peratus Pembatalan Tidak Mengikut Pekeliling |
|---|---|---|---|---|
| Kota Kinabalu | 73 | 17% | 0 | 0% |
| Kuala Terengganu | 393 | 59% | 167 | 25 |
| Sepang | 133 | 61% | 207 | 95% |
| Melaka | 370 | 51% | 0 | 0% |
| Kuantan | 343 | 55% | 298 | 47% |
| Ipoh | 569 | 65% | 24 | 3% |
| Seremban | 259 | 47% | 15 | 3% |

**Jadual 15.6**
**Keselamatan Data**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Tiada Buku Log Backup Sistem |
| 2. | DBA/ ADBA tidak mahir/ tidak tahu proses menyemak data backup |
| 3. | Buku Log Backup tidak disemak oleh Ketua Pejabat |
| 4. | Bilik server tidak dipantau keluar masuk kakitangan/ vendor |
| 5. | Sistem Penyimpan Data Backup tidak mengikut prosedur |
| 6. | Kebersihan bilik server tidak memuaskan |
| 7. | Backup tidak dibuat secara berkala |

**Jadual 15.7**
**Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Manual Prosedur Kerja tidak disediakan (sebelum MyPortfolio) |
| 2. | Tindakan susulan tidak diambil terhadap keputusan mesyuarat |
| 3. | Tidak kemaskini penurunan kuasa kewangan nama pegawai yang keluar masuk dari/ ke pejabat, AP 70(a) AP 80(a) dan AP 62(b) |
| 4. | Teguran audit tidak diambil tindakan dan masih diteruskan |
| 5. | Sistem penyimpan data backup tidak mengikut prosedur |

**Jadual 15.8**
**Kawalan Terimaan**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Laporan Mel tidak dicetak dan disimpan di dalam fail |
| 2. | Penyelia GPIS tidak dilantik dan Laporan GPIS cawangan tidak disemak |
| 3. | Penyata Pemungut dari Januari sehingga Jun 2018 tidak ditandatangani pada cetakan bank selepas terimaan diperbankkan |

**Jadual 15.9**
**Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Laporan tidak disemak oleh Ketua Jabatan |
| 2. | Bayaran tuntutan perjalanan dibayar sebelum kursus tamat |
| 3. | Bayaran Pukal tidak disemak dengan bil asal |

**Jadual 15.10**
**Pengurusan Aset dan Stor**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Borang Aduan Kerosakan aset tidak diisi (KEW.PA-9) |
| 2. | Pergerakan Aset bagi tujuan pinjaman tidak direkodkan (KEW.PA-6) |
| 3. | Senarai Aset Alih tidak dikemaskini (KEW.PA-7) |
| 4. | Aset alih yang telah rosak tidak dikumpulkan di suatu tempat yang sama |

**Jadual 15.11**
**Pengurusan Kenderaan Jabatan**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Buku Log Kenderaan tidak dikemaskini dengan lengkap |
| 2. | Kenderaan yang digunakan tiada kelulusan |
| 3. | Buku Rekod pergerakan Kad Inden minyak tidak disemak dan disahkan oleh Ketua Jabatan |
| 4. | Saman Kenderaan Jabatan tidak dipantau dan dikemaskini di dalam Buku Log Kenderaan |
| 5. | Penyata penggunaan kad sistem bayaran tanpa tunai tidak dicetak dari syarikat pembekal kad |
| 6. | Kenderaan jabatan tidak mempamerkan logo pada bahagian sisi kenderaan |

**Jadual 15.12**
**Pengurusan Kontrak**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Tiada surat setuju terima |
| 2. | Tiada bukti kontrak telah disemak dan diluluskan Bahagian Undang-Undang, Kementerian Kewangan |
| | Buku rekod pergerakan Kad Inden minyak tidak disemak dan disahkan oleh Ketua Jabatan |
| 3. | Tiada bukti penyelenggaraan mesin mengikut terma kontrak |
| 4. | Tidak membuat kajian pasaran |
| 5. | Pelawaan tidak dibuat daripada 3 (tiga) pembekal |
| 6. | Pembaikan kerosakan pada bangunan tidak dilakukan oleh pemilik bangunan |
| 7. | Kontrak formal tidak disediakan |
| 8. | Nombor kontrak tidak mengikut rujukan nombor surat setuju terima |
| 9. | Perjanjian disetem sebelum kelulusan dari bahagian undang-undang |
| 10. | Pelanjutan kontrak telah dibuat kepada kontrak yang kurang dari RM200,000, di mana terdapat perubahan harga dan syarat lain dalam kontrak |

- **KES RUJUKAN MAHKAMAH**

Penemuan Audit

**Jadual 15.13**
**Ketakakuran Audit**

| Bil. | Ketakakuran |
|---|---|
| 1. | Senarai semak laporan balas tidak disediakan |
| 2. | Tiada bukti semakan dari pengarah terhadap laporan penilaian/ laporan balas |
| 3. | SPKRM tidak dikemaskini selaras dengan laporan berkala yang dihantar ke Ibu Pejabat |
| 4. | Surat peringatan kepada pegawai tidak dihantar mengikut sasaran |

- **AUDIT ONLINE**

a. Cawangan JPPH

**27 Cawangan iaitu :**

| | |
|---|---|
| Miri | Johor Bahru |
| Jerteh | Gombak |
| Raub | Kota Baharu |
| Sibu | Batu Pahat |
| Kluang | Alor Setar |
| Taiping | Klang |
| Seremban | Kuching |
| Perlis | WP Labuan |
| Tawau | Sungai Petani |
| Temerloh | Chukai |
| George Town | Muar |
| WP Kuala Lumpur | Kuala Krai |
| Sepang | Perlis |
| Bandar Baru Bangi | |

**532 Kes Duti Setem**

b. Penemuan Audit

**Jadual 15.14**
**Ketakakuran Audit Online**

| Bil. | Ketakakuran | Jumlah Ketakakuran |
|---|---|---|
| 1. | Daftar dalam tempoh 2 hari, tidak mengikut tarikh cop terima | 153 |
| 2. | Daftar dalam tempoh > 2 hari, mengikut tarikh cop terima | 1 |
| 3. | Daftar dalam tempoh > 2 hari, tidak mengikut tarikh cop terima | 46 |
| 4. | Kes siap mengikut tempoh hanya dalam VIS, sebenarnya lebih lama lagi | 70 |
| 5. | Kes siap melebihi tempoh | 3 |
| 6. | Kes siap melebihi tempoh dalam VIS dan lebih lewat lagi dalam keadaan sebenar | 1 |
| 7. | Lapor kes dengan laporan/surat yang disediakan > sehari selepas kes siap, dalam tempoh > 1 hari selepas siap | 12 |

- **AUDIT MENGEJUT**

  - **Ibu Pejabat JPPH**

    Menjalankan pengauditan dalaman ke atas fail-fail Teknikal bagi Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Perundingan Harta, Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan, Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Strategik dan Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah.

    - Tarikh Pengauditan adalah pada 25 Oktober 2018 hingga 30 Oktober 2018
    - Tempoh Fail diaudit adalah daripada bulan Januari 2018 hingga September 2018
    - Skop Pengauditan meliputi Audit Sistem Penyampaian bagi Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Perundingan Harta, Bahagian Penswastaan dan Pelaburan Strategik, Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan dan Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah. Pemeriksaan terhadap pematuhan terhadap tempoh masa:
      i. Menyediakan surat permohonan nilaian kepada Cawangan JPPH setelah menerima permohonan nilaian daripada agensi
      ii. Menyemak laporan daripada cawangan dan melaporkan kes nilaian setelah diluluskan oleh pegawai atasan.
      iii. Pelaksanaan dan pemantauan Hadkuasa Melapor, Menyemak dan Meluluskan Nilaian
    - Audit Semakan Fail Teknikal di Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan
      Pemeriksaan terhadap proses kerja penilaian teknikal dalam menyediakan penilaian merangkumi penerimaan kes, pendaftaran, pembukaan dan agihan fail, pengumpulan data, penentuan nilaian, kaedah nilaian, laporan penilaian, kelulusan nilaian dan melapor nilaian.

  - **Institut Penilaian Negara (INSPEN)**

    Unit Integriti dan Pengauditan (UIP) telah menjalankan audit dalaman terhadap Pengurusan Aduan INSPEN, Pengurusan Aset Alih yang merangkumi Pengurusan Kenderaan Jabatan dan Perolehan Kontrak di Institut Penilaian Negara (INSPEN) .

    Audit telah dijalankan daripada 12 Disember hingga 14 Disember 2018 dan sesi *Exit Meeting* telah diadakan pada 14 Disember 2018. Audit Pengurusan Aset Alih dan Perolehan Kontrak meliputi semua fail pengurusan aset dan fail berkaitan perolehan kontrak di Institut Penilaian Negara (INSPEN). Audit dalaman pengurusan aset alih dan perolehan kontrak ini juga dibuat berdasarkan laporan audit mengenai pengauditan pengurusan kewangan dan tadbir urus yang telah dijalankan oleh Audit Dalam Perbendaharaan Malaysia (ADP) dan Naziran Akauntan Negara Malaysia ke atas Institut Penilaian Negara (INSPEN) manakala semakan Aduan INSPEN berdasarkan Sistem e-ADU iaitu Sistem Aduan Pelanggan dan Borang Aduan (Manual), Borang BA/INSPEN/01.

- **PENGURUSAN TATATERTIB**

**Jadual 15.15**
**Pengurusan Kes Tatatertib di JPPH Tahun 2018 (Peraturan 36)**

| Bil. | Kesalahan | Hukuman |
|---|---|---|
| 1. | Tidak hadir ke pejabat tanpa kebenaran. Tidak mengimbas cap jari dengan lengkap dan tidak memaklumkan kepada ketua jabatan | Amaran, Denda |
| 2. | Tidak hadir ke pejabat tanpa kebenaran dan tidak memaklumkan kepada ketua jabatan | Tangguh Pergerakan Gaji |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Tidak hadir ke pejabat tanpa kebenaran dan tidak memaklumkan kepada ketua jabatan | Lucut Hak Emolumen |
| 4. | Tidak hadir ke pejabat tanpa kebenaran dan tidak memaklumkan kepada ketua jabatan | Tangguh Pergerakan Gaji, turun gaji |

**Jadual 15.16**
**Pengurusan Kes Tatatertib di JPPH Tahun 2018 (Peraturan 37)**

| Bil. | Kesalahan | Hukuman |
|---|---|---|
| 1. | Jenayah Syariah | Tangguh Pergerakan Gaji |
| 2. | Memalsukan Surat Pentaksiran Harta | Turun Pangkat |

- **PENGURUSAN ADUAN DAN PERTANYAAN**

Sebanyak 85 pertanyaan dan aduan telah dikendalikan oleh UIP sepanjang tahun 2018 yang diterima dari laman web, email, Biro Pengaduan Awam, Unit Komunikasi Korporat Kementerian Kewangan serta sumber-sumber yang lain. Jenis pertanyaan yang paling tinggi adalah nilai pasaran harta tanah dan jenis aduan yang tertinggi pula adalah berkaitan dengan salahlaku pegawai.

Unit Integriti dan Pengauditan (UIP) telah menjalankan audit dalaman terhadap Pengurusan Aduan INSPEN, Pengurusan Aset Alih yang merangkumi Pengurusan Kenderaan Jabatan dan Perolehan Kontrak di Institut Penilaian Negara (INSPEN) .

Audit telah dijalankan daripada 12 Disember hingga 14 Disember 2018 dan sesi *Exit Meeting* telah diadakan pada 14 Disember 2018. Audit Pengurusan Aset Alih dan Perolehan Kontrak meliputi semua fail pengurusan aset dan fail berkaitan perolehan kontrak di Institut Penilaian Negara (INSPEN). Audit dalaman pengurusan aset alih dan perolehan kontrak ini juga dibuat berdasarkan laporan audit mengenai pengauditan pengurusan kewangan dan tadbir urus yang telah dijalankan oleh Audit Dalam Perbendaharaan Malaysia (ADP) dan Naziran Akauntan Negara Malaysia ke atas Institut Penilaian Negara (INSPEN) manakala semakan Aduan INSPEN berdasarkan Sistem e-ADU iaitu Sistem Aduan Pelanggan dan Borang Aduan (Manual), Borang BA/INSPEN/01

**Jadual 15.17**
**Bilangan Aduan dan Pertanyaan**



- **BENGKEL AUDIT TEKNIKAL**

  Bengkel Audit Teknikal yang telah dianjurkan pada 26 hingga 28 Mac 2018 oleh INSPEN dan kakitangan UIP telah bertindak sebagai penceramah dan fasilitator. Peserta bengkel terdiri dari semua wakil Unit Audit Dalaman Pejabat Pengarah Penilaian Negeri. Dalam bengkel ini, peserta telah diberi panduan berkaitan tatacara pengauditan yang dijalankan oleh UIP.

- **PROGRAM INTEGRITI**

  - **Taklimat Integriti**

    Sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPPH 2017 dan Jasamu Dikenang, UIP telah mengadakan program Taklimat Integriti bertempat di Dewan Nusantara, Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada 26 Mac 2018. Penceramah adalah Encik Asrul Shah bin Razali, Ketua Unit Integriti Jabatan Perkhidmatan Awam. Tajuk yang disampaikan oleh penceramah ialah “Ketelusan Integriti Tercetus Akauntabiliti”.




  - **Sambutan Hari Integriti JPPH**

    Sambutan Hari Integriti JPPH telah dianjurkan pada 28 November 2018 bertempat di Dewan Nusantara, Institut Penilaian Negara (INSPEN). Peserta adalah terdiri daripada Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC, Penilai Daerah, wakil dari JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JPPH Shah Alam, JPPH Bandar Baru Bangi, JPPH Gombak, JPPH Klang, JPPH Sepang, INSPEN, NAPIC, Jabatan Akauntan Negara, Unit Integriti Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Audit Dalam Perbendaharaan (ADP) dan Cawangan Integriti Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.






Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) mewakili Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Sesi perkongsian ilmu dengan tajuk “Integriti dan Antirasuah : *Do The Right Things*, disampaikan oleh penceramah jemputan dari Institut Integriti Malaysia iaitu Encik Mohd Hafizdi Bin Che Md Akhir, Penolong Pengarah Kanan. Acara turut diserikan dengan penyampaian Hadiah Kuiz Integriti, Penyertaan Terbanyak Kuiz Integriti dari Cawangan dan cabutan bertuah.

# BAB 16

*Pasukan VIS Baru*

## SISTEM VIS BARU

Pelaksanaan Sistem VIS Baru merangkumi 39 Pejabat Cawangan JPPH seluruh Malaysia dengan pelaksanaan perintis (*pilot*) di 3 Pejabat Cawangan iaitu Kuala Lumpur, Bangi dan Temerloh. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 7 tahun meliputi pembangunan sistem (18 bulan) dan penyelenggaraan sistem (66 bulan).

## OBJEKTIF PEMBANGUNAN DAN PERLAKSANAAN SISTEM VIS BARU

1. Meningkatkan sistem penyampaian JPPH melalui integrasi dengan sistem-sistem dalaman JPPH dan agensi-agensi luar yang dikenalpasti.
2. JPPH akan lebih produktif dan seterusnya lebih berdaya saing.
3. Hasil Kerajaan akan dipertingkatkan apabila kos operasi dapat dikurangkan dan penggunaan sumber manusia sedia ada boleh dioptimumkan.

Pelaksanaan VIS baru ini selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan untuk mempercepatkan proses kerja di agensi-agensi Kerajaan melalui inisiatif perkongsian maklumat G2G (Government to Government) dengan enam (6) Agensi Kerajaan dan Badan Korporat terpilih.



## MANFAAT SISTEM VIS BARU

- Bertindak balas dengan lebih cepat kepada perubahan pesat dalam organisasi serta menyediakan perkhidmatan yang lebih pantas.
- Merangka dan menjejaki maklumat dengan tepat serta meningkatkan kawalan pentadbiran.
- Menyediakan data dan perkongsian maklumat yang menyeluruh untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.
- Memudahkan interaksi pengguna melalui pelbagai saluran.
- Membolehkan pengguna mengakses sistem menggunakan pelbagai peranti pada bila-bila masa di mana sahaja.
- Menyelesaikan integrasi, kolaborasi dan penyelarasan data antara agensi luar dengan lancar dan teratur.

## JADUAL PELAKSANAAN PEMBANGUNAN SISTEM




***Nota:***
*CP: Check Point*
*UAT: User Acceptance Test*
*PAT: Provisional Acceptance Test*
*FAT: Final Acceptance Test*

## PENCAPAIAN

***Commencement Date Announcement***

Mesyuarat Pengumuman *Effective Date & Commencement Date* diadakan pada 24 April 2018 di Bilik Persidangan Aras 2, INSPEN. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sr Zaleha binti Baharum.



**Projek Pembangunan Sistem VIS Baru *Kick-Off***

Mesyuarat *Kick-Off* Projek Pembangunan Sistem VIS Baru diadakan pada 07Jun 2018. Mesyuarat ini diadakan di Bilik Persidangan Aras 2, INSPEN dan dipengerusikan oleh Tn Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim.



***Technical* Data *Gathering***

*Technical* Data *Gathering* siri 1 telah dijalankan bermula 3 Julai 2018 sehingga 30 Ogos 2018. Ia dihadiri oleh 60% staf JPPH dari seluruh cawangan. Pihak Sapura berjaya menjalankan 52 sesi seluruh Malaysia dengan kerjasama dan sokongan Pasukan Projek VIS Baru. Pasukan Data Migrasi berjaya memuat turun data dari seluruh cawangan untuk analisa. Malah, Pasukan Infrastruktur telah mengumpulkan maklumat berkaitan infrastruktur IT di seluruh pejabat cawangan JPPH. Pasukan projek mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan aktiviti ini.



***Check Point #1***

*Check Point #1* telah dijalankan dari 18 hingga *21 Septemb*er 2018 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Kajang, Selangor. Sebanyak 97 daripada 105 Test Case telah diuji semasa *Check Point* #1. Penyelesaian untuk *System Discrepancy Report* (SDR) yang direkodkan semasa *Check Point* #1 akan dilakukan semasa *Check Point* #2 dan *Check Point* #3.



Terima Kasih kepada:
*Subject Matter Experts* (SMEs):
i. *Complex and Conventional Valuation* (CCV)
ii. *Automated Valuation System* (AVS)
iii. *Geographical Information System* (GIS)
iv. *Management Information System* (MIS)
Wakil Pengguna dari JPPH Kuala Lumpur, JPPH Bangi dan JPPH Temerloh.

***Project Technical Committee (PTC)***

**PTC #1**

Tarikh: 20 Julai 2018

Lokasi: Bilik Persidangan Aras 9

Dipengerusikan oleh Tuan Sr Haji Mohd Khairudin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik)

**PTC #2**

Tarikh: 6 September 2018

Lokasi: Bilik Persidangan Aras 9

Dipengerusikan oleh Tuan Sr Haji Mohd Khairudin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik)

**PTC #3**

Tarikh: 29 Oktober 2018

Lokasi: Bilik Persidangan Aras 9 Dipengerusikan oleh Tuan Sr Haji Mohd Khairudin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik)



***Project Steering Committee*** **(PSC)** ***Meeting***

*Project Steering Committee Meeting*

Tarikh: 1 Oktober 2018

Lokasi: Bilik Persidangan Aras 9

Dipengerusikan oleh YBrs Sr Haji Nordin bin Daharom, Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta.



**Taklimat Keselamatan ICT**

Date: 2 Oktober 2018

Location: Sapura Wangsa Maju

Penceramah: Puan Hasmawati binti Che Mat, Penolong Pengarah Teknologi Maklumat.



**Mesyuarat Integrasi dengan SSM**

Tarikh: 4 Oktober 2018

Lokasi: Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)



***PME Site Visit***

Tarikh: 15 - 18 Oktober 2018

Lokasi: Indah Water STP, Putrajaya



**Bengkel Rekabentuk *Build* #2 VIS Baru**

Bengkel Rekabentuk Projeck VIS Baru *Build* #2 berlangsung selama lima hari berturut-turut dari 17 hingga 21 Disember 2018 bertempat di The Grand Resort Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel Rekabentuk Projeck VIS Baru *Build* #2 telah dirasmikan oleh Pengarah Projek VIS Baru, YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Bengkel tersebut mendapat penglibatan yang aktif daripada pasukan CCV, BVIP, PME, MIS, ICT, AVS, GIS, MAMPU dan Pasukan Projek VIS Baru. Dalam perbincangan kali ini terdapat beberapa isu yang diketengahkan bagi proses pembaikan sistem VIS Baru. Segala perbincangan dan penyelesaian yang dikemukakan akan ditambahbaik dalam sistem dan akan di uji pada *Check Point* #2 dan *Check Point* #3.




***Change Agent Take-Off***

*Change Agent Take-Off* diadakan pada 30 Januari 2019 bertempat di Palm Garden Resort, Putrajaya. *Change Agent Take-Off* telah dirasmikan oleh Pengarah Projek VIS Baru, YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Majlis tersebut turut di hadiri oleh Pengurusan Tertinggi JPPH, Pasukan BTM, Pasukan VIS Baru, *Change Agent* dan Pasukan Projek Sapura. Seramai 76 *Change Agent* hadir dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan. Dengan pelantikan *Change Agent* sebagai penghubung antara Pasukan Projek dan pengguna, pelaksanaan Sistem VIS Baru akan lebih lancar.



# BAB 17

## *Pengurusan Kualiti*

## PENGURUSAN KUALITI

Sebagai sebuah organisasi yang dinamik, Jabatan sentiasa melakukan perubahan ke arah peningkatan kualiti dan peka terhadap trend pembangunan dan kehendak *stake holder*. Usaha ke arah pencapaian kualiti amat dititikberatkan.

Oleh itu, JPPH sentiasa melakukan pelbagai usaha untuk berada di barisan hadapan dalam bidang kepakarannya dengan mengkaji semula perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan penilaian bagi setiap aktiviti teras.

JPPH mengambil iktibar dari seruan kerajaan untuk menguruskan semua kerja secara cekap, mengurangkan karenah birokrasi yang melambatkan sesuatu proses dan memberi perhatian kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Prosedur dan peraturan yang sedang diguna pakai dalam proses kerja penilaian dikaji semula selaras dengan peredaran masa supaya lebih tepat, efektif dan relevan. Perancangan Strategik Jabatan dan semua tindakan yang diambil menjurus kepada hasrat JPPH menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia.

- **PELAN STRATEGIK JPPH**

  Pelan Strategik JPPH telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 2008. Pelan Strategik ini menyatakan semula visi Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2015. Seterusnya, visi baharu diperkenalkan dengan beberapa objektif, strategi dan pelan tindakan dibentuk bagi mencapai visi Jabatan.

- **BUKU ARAHAN NAPIC**

  Dokumen rujukan ini menerangkan dengan terperinci peranan, fungsi dan tatacara kerja Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Ibu Pejabat dan Unit Informasi Harta Tanah di cawangan. Dokumen ini juga memberi gambaran berhubung laporan yang diterbitkan oleh NAPIC secara berkala setiap tahun.

- **MANUAL OF DEFINITION NAPIC**

  Dokumen ini merupakan kamus data harta tanah yang menerangkan definisi harta tanah dengan jelas dan terperinci serta dijadikan rujukan oleh Unit Informasi Harta Tanah di peringkat cawangan dalam pengumpulan data harta tanah. Ini akan memastikan agar pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan tepat dan mengikut skop yang digariskan.

- **PELAN OPERASI LATIHAN**

  Pelan Operasi Latihan (POL) ini menggariskan strategi dan perancangan mengikut fasa perkhidmatan bertujuan melengkapkan pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan pengetahuan dan kemahiran berasaskan kompentensi yang diperlukan untuk membolehkan mereka memberikan sumbangan yang berkesan dalam perkhidmatan awam. Kandungan yang disediakan dalam POL ini dapat membantu Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah menguruskan sumber manusia mereka secara yang lebih optimum seterusnya menyediakan Penjawat Awam yang cemerlang.

- **PERHIMPUNAN PAGI**

  Perhimpunan pagi diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Lagu Negaraku, Lagu Wilayah Persekutuan dan Lagu JPPH dinyanyikan di Ibu Pejabat JPPH, diikuti dengan bacaan doa, lafaz Ikrar Perkhidmatan Awam dan diakhiri dengan amanat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Perhimpunan ini adalah satu cara untuk memupuk budaya kerja cemerlang, memperkukuhkan nilai-nilai murni dan juga memberi makluman terhadap perkara penting yang berlaku di Jabatan.

Amanat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang diminitkan juga disalurkan melalui emel dan juga dimuat naik ke dalam portal Jabatan pada hari yang sama supaya mesej beliau dapat disampaikan kepada semua pegawai dan staf JPPH di seluruh Negara. Pada tahun 2018, sebanyak sepuluh kali perhimpunan pagi telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat.

- **PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH**

Persidangan ini yang dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Pengarah INSPEN, Ketua Unit, Penilai Daerah dan Pegawai Kanan Jabatan yang diadakan dua (2) kali setahun. Persidangan ini diadakan adalah untuk merancang strategi pelaksanaan aktiviti teras Jabatan, membentangkan kertas kerja, membincangkan masalah yang dihadapi serta memutuskan penyelesaiannya dan memantau aktiviti serta prestasi kerja bagi seluruh Jabatan. Seterusnya, persidangan ini juga menyelaraskan aktiviti kualiti dan produktiviti Jabatan.

- **MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI**

Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri diadakan pada hari Isnin minggu kedua setiap bulan dan tumpuan mesyuarat ini adalah untuk memantau prestasi kes penilaian JPPH berdasarkan Piagam Pelanggan, memantau Prestasi Pengurusan Kewangan Pejabat JPPH, melaporkan Prestasi Latihan Pegawai dan staf serta Laporan Kemajuan Kerja Penyelidikan di pejabat JPPH. Mesyuarat ini juga membincangkan hal pentadbiran dan aduan pelanggan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ini terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN dan Pengarah NAPIC.

- **MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal diadakan dua (2) kali setahun dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC dan Penilai Daerah. Mesyuarat ini membincangkan isu dan masalah teknikal berkaitan amalan kerja penilaian.

- **PEKELILING JABATAN**

Dari semasa ke semasa, pekeliling Jabatan dikeluarkan untuk memberi arahan kerja dan panduan serta menyeragamkan prosedur kerja, menetapkan had kuasa melapor bagi pegawai teknikal dan sebagainya.

- **BUKU ARAHAN JPPH**

Manual Prosedur Kerja adalah sebuah dokumen rujukan bagi peringkat Jabatan yang mengandungi fungsi dan objektif rasmi pejabat, prosedur kerja yang jelas serta pegawai dan staf yang bertanggungjawab melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Dokumen ini juga adalah dokumen rujukan utama yang membantu pegawai dan staf berfungsi dengan cekap dan berkesan. JPPH atas usahanya sendiri telah menyediakan Manual Prosedur Kerja (Buku Kuning) JPPH sejak tahun 1976. Kini, Buku Arahan JPPH (Buku Hijau) Edisi 2017 telah digunapakai oleh semua pegawai dan staf JPPH.

- **FAIL MEJA**

Fail Meja ialah dokumen rujukan peringkat individu mengikut perjawatan. Fail meja mengandungi carta Jabatan yang menunjukkan kedudukan pegawai atau staf berkenaan dalam pejabatnya, objektif Jabatan dan Bahagian yang mana pegawai dan staf berkenaan ditempatkan serta prosedur kerja yang terlibat dengan jawatan pegawai atau staf berkenaan. Berpandukan Fail Meja, pegawai atau staf dengan jelasnya dapat mengetahui arah tuju Jabatan dan peranan yang perlu dilaksanakan serta mempunyai garis panduan yang lengkap bagi menjalankan kerja dengan cekap dan sempurna.

Fail Meja pegawai dan staf JPPH dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut senarai tugas dan sasaran kerja tahunan yang sentiasa diubahsuai mengikut keperluan.

- **AMALAN STANDARD PENILAIAN (ASP)**

Amalan Standard Penilaian diterbitkan pada kali pertamanya pada tahun 1989. Pada awal tahun 2017, buku tersebut telah dikemaskini dan diedarkan kepada semua pegawai teknikal JPPH.

Amalan Standard Penilaian merupakan Manual Kerja Teknikal JPPH. Manual ini memberikan garis panduan yang terperinci mengenai proses kerja penilaian bagi setiap jenis kes yang dinilai. Ia juga meliputi semua amalan dan standard profesional untuk menjamin amalan kerja yang konsisten dan seragam bagi menghasilkan kerja yang berkualiti.

- **PERSIJILAN MS ISO 9001:2015**

Pada tahun 2018, INSPEN meneruskan langkah untuk beralih kepada Persijilan MS ISO 9001 versi 2015. Beberapa siri bengkel telah diadakan pada tahun 2018 untuk memantapkan dokumen bagi persijilan ini. Pada 15 Mac 2018, MS ISO 9001 versi 2015 telah pun dilaksanakan serta Audit Pematuhan dan Persijilan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM telah dijalankan pada 6 hingga 7 September 2018.

Alhamdulillah, setelah pengauditan oleh pihak SIRIM tersebut, INSPEN berjaya mendapat Persijilan MS ISO 9001 versi 2015 yang dikeluarkan pada tarikh 29 November 2018 dengan nombor pendaftaran baru iaitu MY - QMS 00940.

- **AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

Pengiktirafan program Sijil daripada MQA merupakan salah satu projek Pelan Strategik Jabatan JPPH 2017-2020 yang telah bermula pada tahun 2017. Objektif projek ini bagi mendapatkan perakuan akreditasi penuh oleh MQA terhadap program Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) untuk memenuhi standard kualiti kerangka kelayakan Malaysia. Perakuan akreditasi penuh membolehkan pelajar SPHT dan SPGT mendapat pindahan kredit semasa melanjutkan pengajian Diploma di IPTA, IPTS dan institusi swasta yang diiktiraf oleh kerajaan. Status kemajuan Projek Pengiktirafan Program Sijil telah mencapai 85 peratus.

Perakuan Akreditasi adalah merupakan satu perakuan rasmi bahawa Sijil, Diploma atau Ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework* (MQF). Terdapat dua peringkat penilaian dalam jaminan kualiti ini iaitu :

i. Akreditasi Sementara - ia adalah satu perlakuan penilaian untuk memastikan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Penuh.

ii. Akreditasi Penuh - merupakan satu aktiviti penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh sesebuah Pemberi

INSPEN telah mendapat perakuan akreditasi sementara daripada MQA bagi 2 program iaitu MQA/PA 11513 bagi SPHT dan MQA/PA 11514 bagi SPGT bermula pada 19 April 2018 hingga 18 April 2023. Dijangkakan Akreditasi penuh akan diperoleh pada tahun 2019.

- **KAJIAN KEPERLUAN LATIHAN**

Kajian Keperluan Latihan adalah dijalankan oleh INSPEN bagi membantu mengenalpasti latihan yang diperlukan oleh pegawai dan staf. Kajian ini dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti keperluan latihan dan merancang program latihan yang bersesuaian untuk pegawai dan staf JPPH.

- **PIAGAM PELANGGAN**

Piagam Pelanggan adalah komitmen bertulis dan jaminan pejabat untuk menyampaikan perkhidmatan atau keluaran mengikut standard yang ditetapkan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. JPPH sentiasa mengenal pasti langkah-langkah yang berkesan untuk menambahbaik proses dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Pihak Pengurusan Jabatan sentiasa membuat pemantauan dan menilai pencapaian Jabatan dalam memenuhi standard atau sasaran seperti yang telah ditetapkan.

Demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta memenuhi kehendak PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan). Piagam Pelanggan JPPH bagi kes Duti Setem melibatkan kes standard telah dipinda kepada satu (1) hari. Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2011.

- **SASARAN KERJA TAHUNAN**

Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan pada awal setiap tahun dan tumpuan setiap pejabat JPPH adalah ke arah pencapaian sasaran tersebut. Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan selepas dikaji prestasi pencapaian keseluruhan pada tahun sebelumnya dan juga sejajar dengan kehendak pelanggan semasa untuk mencapai objektif, misi dan visi Jabatan.

- **AUDIT KUALITI KERJA TEKNIKAL DAN KEWANGAN/ TADBIR URUS**

Bahagian Audit Teknikal di Ibu Pejabat menjalankan audit ke atas fail teknikal dan kewangan/ tadbir urus di Pejabat JPPH untuk semakan pematuhan terhadap prosedur, peraturan dan kualiti yang telah ditetapkan. Pada tahun 2018, kerja pengauditan telah dijalankan ke atas 7 Pejabat JPPH bagi audit dalaman teknikal dan 8 pejabat bagi audit kewangan/ tadbir urus. Pemeriksaan audit dibuat berpandukan kepada senarai semak yang diwujudkan dan dalam Buku Hijau.

Selain itu, semakan turut dibuat ke atas perkara- perkara yang terlibat dengan pengurusan dan proses kerja penilaian secara keseluruhan. Bagi maksud keberkesanan, fail teknikal yang diaudit adalah daripada kes-kes yang telah dinilai dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh audit dijalankan di sesebuah Pejabat JPPH.

- **PROGRAM KUALITI DAN PRODUKTIVITI**

  Langkah-langkah peningkatan kualiti dan produktiviti yang telah dilaksanakan di JPPH pada tahun 2018 ialah:

  - Penerapan Budaya Kerja Kelas Pertama merupakan salah satu usaha yang berterusan di mana ianya diberi penekanan dalam melaksanakan tugas harian di JPPH. Prinsip 7 PERDANA diamalkan dan diterapkan oleh setiap kakitangan JPPH untuk memastikan perkhidmatan JPPH bertaraf dunia.
  - Mewujudkan sistem perkhidmatan yang mementingkan pelanggan. Ianya dapat diukur melalui maklum balas yang diperoleh daripada soal selidik kepuasan pelanggan yang dibuat dari semasa ke semasa.

  JPPH sentiasa mengutamakan pelanggan dan beberapa usaha telah dibuat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta memenuhi ekspektasi mereka. Daripada hasil maklum balas kajian kepuasan pelanggan yang diterima oleh setiap pejabat JPPH, tindakan segera diambil bagi mengatasi kelemahan, sekiranya ada.

- **SAMBUTAN HARI INOVASI**

  Hari Inovasi diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Di samping itu, ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan memperbaharui komitmen dan dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti. Sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri semasa Pelancaran Program ‘Malaysia Inovatif 2010’ iaitu mulai tahun 2010 Hari Kualiti yang disambut oleh kakitangan awam sebagai tanda simbolik pada 31 Oktober setiap tahun akan digantikan dengan sambutan Hari Inovasi bagi menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi serta meraikan keberhasilan inovasi di agensi Kerajaan.

  Hari Inovasi disambut oleh semua Pejabat JPPH. Antara aktiviti yang diadakan adalah persembahan koir, bacaan ikrar, penyampaian hadiah dan anugerah kualiti, *treasure hunt*, pertandingan kuiz serta ceramah berkaitan kualiti, motivasi, budaya kerja cemerlang dan integriti.

- **HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (HB KIK)**

  HB KIK merupakan penjenamaan bagi KMK dan KIK yang telah ditambahbaik oleh MAMPU pada tahun 2017 seiring dengan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi dalam sektor awam. HB KIK ini memberikan penekanan kepada keberhasilan dan potensi pengembangan projek yang meliputi aspek pengkomersilan, replikasi dan Pertandingan Inovasi di peringkat yang lebih tinggi. Pertandingan HB KIK JPPH pada tahun 2018 merupakan penganjuran yang pertama di bawah *flagship* penjenamaan KIK baharu ini.

- **ANUGERAH INOVASI JPPH**

  Pihak Pengurusan JPPH sentiasa memberi penekanan terhadap budaya kerja cemerlang yang berteraskan kualiti di kalangan semua pegawai dan staf Jabatan. Anugerah Inovasi adalah satu tanda penghargaan kepada Pejabat JPPH atau individu yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam tahun berkenaan.

  Beberapa anugerah dikenal pasti dan ia akan disampaikan semasa Majlis Anugerah Inovasi Jabatan semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH yang diadakan pada akhir tahun.

Kategori Anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
    - i. Peringkat Pejabat Pengarah Penilaian Negeri
    - ii. Peringkat Pejabat Penilai Daerah
- Anugerah Pengarah NAPIC
- Anugerah Pengarah INSPEN
- Anugerah Inovasi
- Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif

- **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan kepada pegawai dan staf yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang dipercayai boleh menjadi contoh kepada semua pegawai dan staf JPPH yang lain. Harapan Jabatan agar kecemerlangan ini akan terus menjadi pendorong untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukanlah bergantung kepada kecemerlangan prestasi segelintir pegawai dan staf sahaja tetapi ia juga memerlukan penyertaan dan sokongan padu daripada seluruh warganya.

